

**PERANAN MUZIUM KEPADA MASYARAKAT : KAJIAN KES DI MUZIUM KOTA  
TINGGI, JOHOR.**

**HIDZIR BIN SAIRAN**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**JABATAN PENGAJIAN WARISAN  
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

KELANTAN

**2011**

## PENGAKUAN

Saya akui penulisan ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh :  
18 Januari 2012

Hidzir Bin Sairan  
C08A038

Dedikasi buat.....

Emak & Abah yang tercinta,  
Pn. Kalthum binti Sama'on dan En. Sairan Bin Midan  
Terima kasih atas pengorbananmu dalam mendidik  
Diriku menjadi insan yang berguna.

Buat keluarga,  
Terima kasih kepada abang & adik  
Mohamed Fahmee, Saidfulddin , dan Siti Salina  
Yang banyak memberi sokongan dan dorongan.

Buat Insan Teristimewa,  
Terima kasih kepada Fadzillah Binti Kemat  
Yang sentiasa memberi nasihat dan dorongan.

Buat penyelia,  
Terima kasih kepada Dato Adi Bin Tahar dan En. Nuzul Haqimi Bin Mohamad  
Atas bimbingan dan tunjuk ajar  
Serta didikan yang telah diberikan.

Buat sahabat yang membantu,  
Terima kasih kepada rakan seperjuangan  
Semoga kita semua dirahmati Allah S.W.T.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan izin-Nya maka dapatlah saya menyiapkan Projek Penyelidikan (penulisan ilmiah) yang bertajuk Peranan Muzium Kepada Masyarakat : Kajian Kes Di Muzium Kota Tinggi, Johor.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Dato' Dr. Adi bin Hj. Taha (penyelia I) dan En Nuzul Haqimi Bin Muhammad (penyelia II) yang telah banyak membantu dalam menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Seterusnya tidak lupa kepada pensyarah lain yang turut memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya. Tidak lupa juga kepada keluarga dan ibubapa saya Sairan Bin Midan dan Kalthum Binti Sama'on kerana sentiasa memberi semangat dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada insan yang banyak memberi sokongan dan dorongan kepada saya iaitu Fadzillah Binti Kemat kerana sentiasa menemani dan membantu saya menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Ucapan terima kasih juga kepada pihak Muzium Kota Tinggi yang sudi memberikan kerjasama yang baik sepanjang menyiapkan penulisan ini. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menjayakan penulisan ilmiah ini.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu dan memberi sokongan terutamanya kepada Osman Bin Senawi dan semua rakan SCW4-1 yang sentiasa ada semasa susah dan senang. Sekian terima kasih.


## ABSTRAK

Penulisan ilmiah ini merupakan kajian terhadap Peranan Muzium Kepada Masyarakat : Kajian Kes Di Muzium Kota Tinggi, Johor. Persoalan yang dikupas di dalam penulisan ilmiah ini terbahagi kepada tiga aspek utama iaitu keberkesanan pihak Muzium Kota Tinggi dalam memberikan maklumat berpendidikan serta rujukan, keberkesanan muzium dalam membentuk jati diri dan semangat patriotisme masyarakat dan melihat sejauh mana muzium menjadi lambang warisan dan budaya. Kajian ini merupakan satu kajian yang ingin mengupas keberkesanan pihak muzium dalam memberikan pendidikan secara tidak formal kepada masyarakat. Penulisan ilmiah ini menggunakan metode pemerhatian (*observation*) dan menggunakan kajian borang soal selidik.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **Abstract**

***This scientific literature is a Study Of The Role Of The Museum To The Community : A Case Study in Museum Kota Tinggi, Johor. The questions covered during the academic literatures is divided into three main aspects of effectiveness of the Museum Kota Tinggi provides educational information and referral, the effectiveness of museums in shaping the identity and patriotism of community, and see how far the museum became a symbol of heritage and culture. This study is a study that analyzed the effectiveness of the museum would like to provide informal education to the community. This scientific literature using the method of observation and using the study questionnaire.***



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## KANDUNGAN

<b>PENGAKUAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>DEDIKASI.....</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT.....</b>	<b>vi</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>X</b>

### **BAB 1 :     PENDAHULUAN**

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Negeri Johor	3
1.2 Latar Belakang Daerah Kota Tinggi	4
1.3 Muzium Kota Tinggi	4
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Pernyataan Masalah	9
1.6 Skop kajian	10
1.6.1 Kawasan	10
1.7 Rangka Kerja Teorikal	11
1.8 Kepentingan Kajian	12
1.8.1 Individu	12
1.8.2 Masyarakat	12
1.8.3 Institusi	13
1.8.4 Negara	13
1.9 Kekangan Kajian	13
1.10 Terminologi Kajian	14
1.11 Struktur Kajian	15
1.12 Kesimpulan	17

**BAB 2 : SOROTAN KAJIAN**

2.0 Pengenalan	18
2.1 Muzium	19
2.2 Pendidikan	21
2.3 Pendidikan Muzium	22
2.4 Pameran	24
2.5 Kesimpulan	25

**BAB 3 : KAEDAH PENYELIDIKAN**

3.0 Pengenalan	26
3.1 Pemilihan Kawasan Kajian	27
3.2 Kaedah Pengutipan Dan Pengumpulan Data	28
3.3 Data Primer	29
3.3.1 Kaedah Kajian Di Lapangan	29
3.3.2 Borang Soal Selidik	29
3.3.2.1 Struktur Borang Soal Selidik	30
3.3.3 Responden	31
3.4 Data Sekunder	31
3.4.1 Kajian Perpustakaan	31
3.4.2 Kajian Internet	32
3.5 Analisis Data	32
3.6 Kesimpulan	33

**BAB 4 : DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	34
4.1 Latar Belakang Dan Rasional Penubuhan Muzium Kota Tinggi	35
4.1.1 Objektif Muzium Kota Tinggi	37
4.1.2 Konsep Pameran Asal	38
4.1.3 Teknik Persembahan Pameran	41
4.2 Statistik Pengunjung Ke Muzium Kota Tinggi	50
4.2.1 Statistik Pengunjung Ke Muzium Kota Tinggi	50
4.3 Analisis Data Borang Kajian Soal Selidik	54
4.3.1 Analisis Borang Kajian Soal Selidik (Bahagian A)	54
4.3.2 Analisis Borang Kajian Soal Selidik (Bahagian B)	61
4.3.3 Analisis Borang Kajian Soal Selidik (Bahagian C)	72
4.3.4 Analisis Borang Kajian Soal Selidik (Bahagian D)	80

**BAB 5 : PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0 Pengenalan	86
5.1 Perbincangan	87
5.2 Cadangan	93
5.3 Kesimpulan	95

<b>BIBLIOGRFI</b>	96
-------------------	----

**LAMPIRAN**

## SENARAI RAJAH

Gambarajah 1.1	: Peta Lokasi Muzium Kota Tinggi, Johor .....	5
Gambarajah 3.1	: Peta Negeri Johor .....	27
Gambarajah 3.2	: Peta Daerah Kota Tinggi .....	28
Gambarajah 4.1	: Pelan Lantai Muzium Kota Tinggi .....	40
Gambarajah 4.2	: Gambar Penggunaan Model Bagi Memperagakan Busana Cina.....	41
Gambarajah 4.3	: Gambar Penggunaan Model Bagi Memperagakan Busana Melayu .....	42
Gambarajah 4.4	: Peta Johor Lama .....	43
Gambarajah 4.5	: Peta Lama .....	43
Gambarajah 4.6	: Lukisan Menceritakan Peristiwa Bersejarah .....	44
Gambarajah 4.7	: Foto-foto Yang Terdapat Di Galeri Menteri Besar Johor .....	45
Gambarajah 4.8	: Peralatan Harian Yang Digunakan Oleh Orang Melayu .....	46
Gambarajah 4.9	: Peralatan Pertahanan Diri .....	46
Gambarajah 4.10	: Gambaran Sultan Alauddin Riayat Shah II Ditawan Aceh ....	47
Gambarajah 4.11	: Penggunaan Model Yang Menggambarkan Tun Sri Lanang Sedang Menyusun Sejarah Melayu Di Pasir Raja ....	48
Gambarajah 4.12	: Penggunaan Teks .....	49
Gambarajah 4.13	: Jadual Statistik Data Pengunjung Dari Bulan Januari Hingga Ogos 2011.....	50
Gambarajah 4.14	: Graf Jumlah Pengunjung Dari Bulan Januari Hingga Ogos 2011 .....	52
Gambarajah 4.15	: Carta Pai Peratus Pengunjung Dalam Tempoh Lapan Bulan .....	53

Gambarajah 4.16	: Carta Pai Responden Yang Diambil Secara Rawak Di Muzium Kota Tinggi.....	55
Gambarajah 4.17	: Graf Taburan Umur Setiap Responden .....	56
Gambarajah 4.18	: Graf Bilangan Responden Mengikut Bangsa .....	59
Gambarajah 4.19	: Graf Taraf Pendidikan Responden .....	60
Gambarajah 4.20	: Graf Menunjukkan Maklum Balas Terhadap Keberkesanan Muzium Dalam Memberikan Maklumat Berpendidikan Serta Rujukan .....	63
Gambarajah 4.21	: Carta Pai Maklum Balas Responden Tentang Keberkesanan Pameran Di Muzium .....	65
Gambarajah 4.22	: Graf Menunjukkan Maklum Balas Responden Terhadap Keberkesanan Media Yang Digunakan Oleh Pihak Muzium Untuk Menyebarkan Maklumat .....	67
Gambarajah 4.23	: Carta Pai Menunjukkan Maklum Balas Responden Tentang Keberkesanan Pameran Di Muzium .....	70
Gambarajah 4.24	: Graf Menunjukkan Maklum Balas Responden Dalam Membentuk Jati Diri Dan Semangat Patriotisme .....	73
Gambarajah 4.25	: Carta Pai Menunjukkan Keberkesanan Muzium Dalam Membentuk Jati Diri Dan Semangat Patriotisme Masyarakat .....	74
Gambarajah 4.26	: Carta Pai Menunjukkan Pendapat Responden Tentang Muzium Dapat Meningkatkan Semangat Patriotisme .....	76
Gambarajah 4.27	: Carta Pai Menunjukkan Pendapat Responden Tentang Muzium Memberi Kesedaran Atas Perjuangan Pahlawan Lalu Seterusnya Menghargai Kemerdekaan dan Mengekalkannya .....	77

Gambarajah 4.28	: Carta Pai Menunjukkan Pendapat Responden Tentang Semua Pihak Memainkan Peranan Untuk Memberi Sumbangan Meningkatkan Mutu Muzium .....	79
Gambarajah 4.29	: Graf Menunjukkan Maklum Balas Responden Terhadap Muzium Lambang Warisan Dan Budaya .....	81
Gambarajah 4.30	: Graf Menunjukkan Peratus Responden Muzium Lambang Warisan Dan Budaya .....	83
Gambarajah 4.31	: Carta Pai Maklum Balas Responden Terhadap Pameran Kepercayaan Dan Keagamaan .....	84
Gambarajah 4.32	: Kitab Al-Quran Ditulis Menggunakan Tangan Yang Berusia Lebih 100 Tahun .....	85



# BAB 1

## PENDAHULUAN

UNIVERSITI

### 1.0 Pengenalan

Institusi permuziuman telah lama wujud di Malaysia malahan di seluruh dunia. Pada kebiasaannya masyarakat memahami istilah muzium adalah sebagai tempat untuk menyimpan barang-barang lama di dalam sebuah bangunan yang khas. Namun begitu sejak pertubuhan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) mewujudkan badan professional yang dipanggil *International Council of*

*Museum* (ICOM) pada tahun 1974 telah memberikan definisi yang terperinci tentang muzium.

ICOM mendefinisikan muzium sebagai “ institut bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat dan pekungannya terbuka kepada umum, memperolehi, merawat, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pembelajaran, pendidikan dan hiburan, bukti-bukti tinggalan manusia dan persekitarannya”.

Secara amnya muzium dianggap sebagai pemegang amanah warisan negara yang tidak ternilai dan mungkin tidak dapat ditukar ganti. Muzium juga berperanan sebagai sebuah institusi pendidikan tidak rasmi. Sumber dan bahan-bahan yang terdapat di muzium mampu memberi kefahaman dan menarik minat sama ada yang berkaitan sejarah, sastera, sains atau alam semulajadi.

Penubuhan muzium yang pertama di Malaysia adalah sejak zaman pemerintahan British lagi iaitu pada tahun 1860an. Muzium pertama yang telah dibina adalah Muzium Perak di Taiping, Perak dan diikuti Muzium Sarawak pada 1888 di Kuching, Sarawak dan kemudiannya di negeri Selangor iaitu Muzium Selangor pada tahun 1905 atas arahan pentadbiran British (Muzium Negara Malaysia: 2007).

Setelah itu, Jabatan Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah mengambil alih pengurusan Muzium Perak dan Muzium Selangor dan telah disatukan pada tahun 1910. Namun pada tahun 1930, pemerintah British telah memisahkan pengurusan tersebut sebagai satu langkah di bawah sistem disentralisasi.

## 1.1 Latar Belakang Negeri Johor

Negeri Johor terletak di selatan Semenanjung Malaysia. Mengikut sejarah lama, asal usul perkataan Johor diambil dari perkataan Arab “Jauhar” yang memberi erti “Permata Berharga”. Pengaruh Arab jelas kelihatan di mana para pedagang dari Arab telah datang ke negeri Johor bagi menjalankan perniagaan rempah yang sememangnya terkenal pada suatu ketika dahulu. Selain itu, orang-orang Siam memberi gelaran Hujung Tanah atau “Ganganu” yang membawa maksud “Batu Permata”.

Sejarah Negeri Johor boleh dibahagikan kepada dua zaman pemerintahan iaitu zaman pemerintahan Johor Lama dan zaman pemerintahan Johor Moden. Negeri Johor telah dibuka pada awal kurun ke-16 selepas Melaka telah ditawan oleh Portugis. Kerajaan Melaka yang dinaungi oleh Sultan Mahmud Syah iaitu pewaris terakhir takhta kerajaan Melaka telah melarikan diri dari serangan Portugis dan membuka Kerajaan Johor. Pada masa itu, Kesultanan Johor telah memperluaskan empayarnya sehingga ke Riau.

Sejarah Johor moden bermula apabila Sultan Abu Bakar ditabalkan menjadi sultan yang memerintah negeri Johor pada tahun 1866. Baginda juga telah memegang gelaran “Seri Maharaja Johor”. Baginda juga telah memperkenalkan Perlembagaan Johor dan telah membawa perubahan besar dalam pentadbiran negeri Johor. Sultan Abu Bakar juga telah diberi gelaran seagai “Bapa Pembangunan Johor”.

## **1.2 Latar Belakang Daerah Kota Tinggi**

Kota Tinggi adalah salah satu daerah yang terdapat di dalam negeri Johor. Bandar Kota Tinggi terletak di laluan Sungai Johor. Daerah Kota Tinggi berkeluasan kira-kira 3488.7 kilometer persegi dan lebih kurang 42 kilometer dari bandaraya Johor Bahru.

Di daerah Kota Tinggi dapat dibahagikan kepada beberapa kawasan tertentu seperti kawasan bandar, kawasan perkampungan Melayu Tradisional serta kawasan rancangan tanah Felda.

Daerah Kota Tinggi juga terkenal dengan gelaran bandar sejarah. Ini adalah kerana Kesultanan Johor yang pertama telah diasaskan di daerah ini. Jika dilihat dari aspek sejarah, terdapat bukti kukuh bahawa Kesultanan Johor bermula di daerah Kota Tinggi. Antaranya seperti Makam Sultan Mahmud Mangkat Dijulang (makam sultan terakhir bagi Kesultanan Melaka) dan Makam Tauhid di Kampung Makam. Selain itu terdapat juga Makam Laksamana Bentan yang terletak di Kampung Kelantan dan Makam Bendahara Tun Habib Abdul Majid juga di Kampung Makam.

## **1.3 Muzium Kota Tinggi**

Muzium Kota Tinggi telah dibina pada tahun 1997 kedudukannya di Jalan Laksamana, Kota Tinggi seperti dalam Gambarajah 1. Bangunan seluas 6,480 meter persegi ini dibina atas tujuan menelusuri sejarah Kesultanan Johor. Muzium Kota Tinggi ini adalah sebagai salah satu tempat atau institusi yang memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dalam bentuk memperoleh, memulihara, mengkaji selidik, berhubung sejarah

warisan negeri Johor dan mempamerkan bukti meterial manusia dan persekitarannya bagi tujuan kajian dan penyelidikan. Kerja-kerja binaan telah diselia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Kota Tinggi. Pada 11 Jun 1999 bangunan ini telah disempurna disiapkan dan diserahkan kepada jabatan Muzium dan Antikuiti. Pada 27 Februari 2001 pihak jabatan Muzium dan Antikuiti menyerahkan Muzium Kota Tinggi ini kepada Kerajaan Negeri Johor dan diselenggarakan oleh Yayasan Warisan Johor.



**Gambarajah 1.1 : Peta Lokasi Muzium Kota Tinggi, Johor.**

Terdapat banyak tempat dimana bekas tapak pemerintahan Kerajaan Johor Lama di daerah Kota Tinggi. Faktor ini menyebabkan Muzium Kota Tinggi sesuai di bangunan di daerah ini. Oleh itu, Muzium Kota Tinggi memainkan peranan yang penting sebagai gedung ilmu pengetahuan (pendidikan tidak formal) yang menjalankan fungsi untuk memperoleh, menyimpan, memelihara, menyelidik, mempamerkan, dan menerbit segala khazanah warisan sejarah dan budaya yang terdapat di lembah Sungai Johor iaitu pusat kegemilangan Kerajaan Johor Lama.

Daerah Kota Tinggi terpilih untuk dibina sebuah muzium kerana daerah ini mempunyai signifikannya yang amat ketara daripada segi sejarah dan peninggalan sejarah pemerintahan Kerajaan Johor Lama. Lembah Sungai Johor merupakan sejarah kesinambungan Kesultanan Melayu setelah gugurnya Melaka pada tahun 1511. Dengan mengambil kira tahun 1529 bermulanya pusat Kerajaan Johor di Pekan Tua (Pasir Raja) dan diikuti oleh Johor Lama dalam tahun 1540 bererti tamadun Melayu telah bertapak di Kota Tinggi selama lebih 400 tahun. Di lembah Sungai Johor inilah lahirnya Tun Sri Lanang, Pengarang Melayu tersohor dan terawal menghasilkan *Sejarah Melayu*, sebuah histografi Melayu yang agung. Di lembah sungai ini juga dikatakan lahirnya Badang, manusia yang mempunyai kegagahan yang luar biasa.

Pengisian pameran Muzium Kota Tinggi adalah berdasarkan garis panduan pakar perunding Muzium Kota Tinggi yang dilantik. Ruang-ruang tingkat bawah muzium ini memaparkan Kota Tinggi di Hujung Tanah; Zaman Kegemilangan Lembah Sungai Johor iaitu bermula dari pemerintahan Sultan Allauddin Riayat Shah II sehingga berakhirnya pemerintahan Sultan Mahmud Shah II (Mangkat Dijulang) merujuk kepada Gambarajah 2. Ruang ditingkat atas memaparkan Kota Tinggi dalam pemerintahan zaman Bendahara, Kota Tinggi dalam era moden (pertumbuhan dan perkembangannya antara tahun 1855-1914) dan Kota Tinggi hari ini. Bahan-nahan yang dipamerkan meliputi lukisan-lukisan, diorama dan ilustrasi peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku pada zaman pemerintahan Kesultanan Johor di Kota Tinggi. Sejumlah lima diorama dan 45 buah lukisan, pelbagai jenis artifak dan senjata, manuskrip, busana, tembikar porselin, peralatan tembaga dan lain-lain yang berkaitan pada zaman tersebut terpamer untuk tatapan para pengunjung ke muzium ini.


Pada 30 Ogos 2002 Muzium Kota Tinggi dibuka untuk lawatan walaupun pengisian pameran ditingkat atas masih belum siap. Pada tarikh yang sama majlis perasmian promosi Muzium kota Tinggi disempurnakan oleh Y.B. Dato' Hj. Abd. Karim Hassan, Pegawai Daerah Kota Tinggi. Pada 29 Februari 2004 bersamaan 8 Muharam 1425H, Muzium Kota Tinggi ini telah dirasmikan sepenuhnya oleh D.Y.A.M. Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar, Tunku Mahkota Johor sempena Program Kembara Mahkota Johor.

Umumnya, Muzium Kota Tinggi ini mempamerkan empat fasa peristiwa mengikut urutan kronologi sejarah. Oleh itu tumpuan Muzium Kota Tinggi adalah pada sejarah Kesultanan Johor Lama, Institusi Politik, Sosioekonomi daerah Kota Tinggi yang meliputi zaman kegemilangan Johor Lama (1529-1705) hingga ke zaman ini.

(Muzium Kota Tinggi, Yayasan Warisan Johor : 2005)

Penyelidikan ini sebenarnya bertujuan untuk mengkaji sama ada Muzium Kota Tinggi berjaya atau sebaliknya dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat khususnya kepada rakyat di negeri Johor melalui pelbagai pendekatan untuk menyebarkan maklumat berpendidikan ataupun sebagai rujukan. Pengkaji juga ingin melihat keberkesanan muzium dalam membentuk jati diri dan semangat patriotisme masyarakat. Secara tidak langsung melihat sejauhmana muzium menjadi lambang warisan dan budaya setempat.

**SALASILAH SEJARAH KESULTANAN JOHOR DARUL TA’ZIM**



#### 1.4 Objektif Kajian

- Melihat peranan Muzium Kota Tinggi dalam memberi maklumat berpendidikan serta rujukan.
- Mengkaji keberkesanan muzium dalam membentuk jati diri dan semangat patriotisme masyarakat
- Melihat sejauh mana muzium menjadi lambang warisan dan budaya.

#### 1.5 Pernyataan Masalah

Pada umumnya masyarakat mengetahui bahawa perkataan sejarah itu bermakna masa yang telah lalu. Oleh kerana sifat sejarah itu berkait dengan masa lepas atau masa silam ia melibatkan perkembangan dan kehidupan budayanya. Dengan melihat dan memahami sejarah maka masyarakat dapat memahami bagaimana terbentuknya sesuatu kejadian, perkembangan masyarakat, sistem ekonomi, politik dan sosial sesebuah masyarakat dapat difahami seterusnya dapat disampaikan kepada generasi yang akan datang terutamanya terhadap aspek tanah air dan jatuh bangun sesebuah kerajaan dan sebagainya.

Pengkaji ingin melihat samada muzium memainkan peranan dalam memberi maklumat berpendidikan serta sebagai rujukan kepada masyarakat. Disini masyarakat boleh mencungkil rahsia sejarah yang telah berlaku berabad lamanya dengan mencari maklumat di muzium. Disamping itu pengkaji ingin melihat keberkesanan muzium dalam mengembalikan jati diri dan semangat patriotisme masyarakat. Nilai jati diri masyarakat di zaman yang serba moden ini khususnya bagi masyarakat Melayu semakin terhakis akibat kemasukan budaya barat yang sukar untuk dibendung.

Selain itu, pengkaji ingin melihat sejauh mana muzium menjadi lambang warisan dan budaya setempat yang agung. Input yang ada di muzium sepatutnya memberi gambaran yang jelas kepada masyarakat atau pengunjung yang hadir tentang kebudayaan masyarakat setempat yang boleh dicontohi dan diwarisi.

## **1.6 Skop Kajian**


### **1.6.1 Kawasan**

Dalam kajian ini, pengkaji akan menjalankan kajian Muzium Kota Tinggi Johor. Pengkaji juga memfokuskan peranan muzium dalam aspek pendidikan dan rujukan, menghasilkan jati diri serta warisan budaya setempat. Data perolehan maklumat diambil melalui kaedah survei kajian soal selidik dan temubual.

Kaedah kajian soal selidik menggunakan borang yang diisi dengan soalan-soalan yang tertentu bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Responden akan diambil daripada kalangan masyarakat setempat dan anak jati johor yang diambil secara rawak.



### 1.7 Rangka Kerja Teorikal



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kepentingan hasil kajian ini dapat dibahagikan kepada empat bahagian iaitu kepada individu, masyarakat, institusi dan negara. Di bawah pengkaji akan menerangkan huraian yang berikut :

### **1.8.1 Individu**

Apabila seseorang individu itu mengkaji apa-apa sahaja aspek yang berkaitan dengan muzium secara tidak langsung akan menambahkan ilmu pengetahuan tentang latarbelakang sejarah masyarakat, bangsa dan negara. Ini merupakan pendidikan secara tidak formal, malah melalui kajian ini juga individu dapat meningkatkan jati diri dan semangat patriotisme dengan melihat perjuangan yang dilakukan oleh pejuang bangsa demi mempertahankan tanah air.

### **1.8.2 Masyarakat**

Kajian ini akan membuat masyarakat lebih prihatin tentang kepentingan muzium dalam mengenali salasilah masyarakat khususnya bagi masyarakat Melayu itu sendiri. Kajian ini sedikit sebanyak dapat membentuk semangat jati diri di kalangan masyarakat Melayu dan memupuk semangat cintakan negara dalam diri mereka. Kajian ilmiah ini juga akan memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa betapa pentingnya pendidikan muzium kepada generasi muda khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah, penuntut institusi tinggi kerajaan mahupun swasta

tentang asal usul dan budaya mereka sekaligus melahirkan masyarakat yang berbudaya dan celik sejarah serta membina jati diri yang lebih kental dalam mengharungi kehidupan yang mencabar pada masa kini. Kesan daripadanya juga, diharap masyarakat menghargai usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam mengekalkan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka, aman dalam gagasan 1 Malaysia.

### **1.8.3 Institusi**

Kepentingan kajian ini kepada institusi adalah untuk memberi penambahbaikan dari segi persembahan, pengolahan maklumat agar lebih ramai pelawat yang akan hadir dan memberi maklum balas yang positif.

### **1.8.4 Negara**

Kepentingan kajian ini terhadap negara adalah sebagai bahan rujukan dan garis panduan agar dapat memartabatkan lagi institusi muzium agar dapat menjana masyarakat berpendidikan dan mempunyai jati diri setiap warga negara supaya lebih berdaya saing dan mampu untuk maju seiring dengan negara-negara maju yang lain.

## **1.9 Kekangan Kajian**

Sepanjang penyelidikan yang telah dilakukan, terdapat pelbagai masalah yang telah dihadapi oleh pengkaji terutamanya dalam proses pengumpulan data dan maklumat. Jarak

dan lokasi kajian yang agak jauh juga sedikit sebanyak memberikan rintangan kepada penyelidik bagi mendapatkan serta mengumpul data dan maklumat lain seperti temu ramah.

Penyelidik juga perlu berulang-alik dari pusat pengajian ke kawasan kajian bagi melengkapkan data yang telah dibuat melalui borang soal selidik dan membuat temu ramah kepada responden yang telah dipilih. Situasi ini menyebabkan penggunaan kos yang tinggi dan memerlukan masa yang panjang untuk mendapatkan maklumat soal selidik daripada pihak responden.

### 1.10 Terminologi Kajian

- I. **Muzium** : tempat menyimpan barang-barang bersejarah, barang-barang sains dan lain-lain disimpan dan dipamerkan (Kamus Pelajar Edisi Kedua), tempat barang-barang sejarah, barang-barang sains dan lain-lain disimpan dan dipamerkan; sekolah gambar (Kamus Pelajar), bangunan tempat menyimpan, memelihara, mengkaji, atau mempamerkan objek-objek yang mempunyai nilai sejarah, seni, saintifik dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Empat).

*“Museums are site of spectacle and display, enviroments that can be rich and surprising. They can be overwhelming and dificult to manage, bu equally can arouse curiosity or inspire new ideas”.* (Eilean Hooper-Greenhill : 2007)

- II. **Pendidikan Muzium** : satu kaedah yang dapat dilakukan dengan cara melihat bahan pameran, menyentuh koleksi artifak yang dipamerkan dan merasai

kekukuhannya, mendengar penjelasan yang diberikan tentang koleksi arifak yang dipamerkan, memegang bahan koleksi yang dipertontonkan (pengalaman) melalui himpunan koleksi atau artifak yang dipamerkan di sesebuah muzium (Condit: 1976).

*“Learning in museums is potentially more open-ended, more individually directed, more unpredictable and more susceptible to multiple diverse responses than in sites of formal education, where what is taught is directed by externally established standards”.* (Eilean Hooper-Greenhill : 2007)

- III. Pameran :** Pertunjukkan ; hasil seni, buku dan lain-lain (Kamus Dewan Edisi Empat)

### 1.11 Struktur kajian

- **Bab 1 – Pengenalan**

Di dalam bab 1 ini pengkaji telah menerangkan tentang tajuk kajian yang dijalankan dan ulasan tentang pengenalan, objektif kajian, permasalahan, skop kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, rangka kerja (theoretical framework), kepentingan kajian dan struktur kajian.

- **Bab 2 – Sorotan Kajian**

Di dalam bab 2 pula, pengkaji menerangkan tentang ulasan kajian yang terdahulu oleh para pengkaji terdahulu yang dijadikan sebagai panduan di

dalam kajian ini. Kajian ini dilakukan dengan merujuk kepada artikel-artikel di surat khabar, majalah, penulisan-penulisan ilmiah yang terdapat di perpustakaan.

- **Bab 3 – Metodologi Kajian**

Di dalam bab 3 pula, pengkaji akan menerangkan tentang kaedah kajian (research methodology) yang dijadikan panduan di dalam kajian tentang Peranan Muzium kepada masyarakat. Antara kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti, kajian pemerhatian (*observation*), dan kajian responden (borang kaji selidik). Hasil daripada kajian maklumat tersebut akan di analisis oleh pengkaji dan akan dijelaskan dalam penulisan laporan kajian nanti.

- **Bab 4 – Analisis Dapatan Kajian**

Di dalam bab 4, pengkaji akan menerangkan tentang dapatan kajian.

- **Bab 5 – Perbincangan, Kesimpulan Dan Cadangan**

Di dalam bab 5, pengkaji akan mengulas tentang perbincangan, kesimpulan dan cadangan. Di dalam bab ini, pengkaji akan membuat beberapa cadangan dan perbincangan mengenai tajuk kajian.

## 1.12 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam Bab 1 ini menerangkan sedikit sebanyak tentang sejarah muzium dan penubuhannya. Selain itu, pengkaji juga menerangkan beberapa aspek yang mahu diketengahkan dalam kajian yang dilakukan. Antaranya adalah seperti latar belakang tempat kajian yang dikaji dan tujuan kajian dijalankan.



## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 Pengenalan

Muzium merupakan medium untuk menimba ilmu tentang sejarah masa silam kerana terdapat pelbagai artifak dan bukti-bukti tentang kehidupan dan budaya manusia pada silam. Muzium juga sekaligus memainkan peranan penting dalam aspek pendidikan. Pendidikan muzium amat penting kepada masyarakat bagi menguatkan nilai jati diri khususnya kepada masyarakat Malaysia pada masa kini.

## 2.1 Muzium

Menurut Corsane (2005), menerangkan definisi yang diambil daripada *Internal Council of Museums* (ICOM: 1989) berdasarkan definisi pada tahun 1974 ; muzium boleh didefinisikan sebagai sebuah institusi yang bersifat tetap (bangunan yang tidak akan berpindah). Pembinaan muzium menggunakan bangunan atau tapak yang khas atau asal. Penubuhan muzium bukan untuk mendapatkan keuntungan. Muzium ditubuhkan untuk memberi khidmat dan maklumat kepada masyarakat yang berkaitan dengan permuziuman, perkembangannya terbuka kepada umum iaitu tidak ada halangan kepada masyarakat, memperoleh, menyelidik, memulihara, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pendidikan dan keceriaan. Barang-barang pembuktian manusia dan lingkungannya diletakkan di muzium untuk tujuan pembelajaran secara tidak formal.

Menurut Max Hebditch (1990), beliau menjelaskan muzium terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

Pertama : *The power of relics and symbols contained in museums.*

Kedua : *The unstructured and informal means of transmitting information and experience by mean and exhibition.*

Beliau juga berpendapat bahawa bahan yang dipamerkan secara tidak langsung memberi peluang kepada para pelawat untuk membentuk pengalaman sendiri berdasarkan kepada apa yang telah disaksikan oleh para pengunjung itu sendiri.

Di negara besar seperti Britain, muzium adalah satu tempat yang amat popular atau terkemuka dalam kehidupan masyarakat mereka pada masa kini. Muzium memberi

sumbangan yang besar untuk menarik pengunjung luar. Bagi institusi pendidikan seperti sekolah membuat lawatan ke muzium sebagai ilmu tambahan kepada pelajar bagi meningkatkan pengetahuan dan sejarah. Koleksi muzium yang dihimpunkan boleh menjadi bukti dan rujukan kepada semua. Koleksi yang dihimpunkan oleh pihak muzium adalah bertujuan untuk keseronokan dan sebagai kesedaran melalui pendidikan, sebagai rekod kepada masa lampau dan perbezaan budaya. ( Keene: 1996).

Menurut Julia D. Harrison (1990), penyata misi yang telah ditetapkan setiap muzium adalah institusi yang terlibat dalam mempraktikkan nilai budaya secara sains, pendidikan dan pemerhatian. Para pelawat juga akan kagum melihat muzium kerana pembinaannya, keistimewaan, pengalaman yang mampu menaikkan semangat secara tidak langsung.

Secara amnya, muzium membuktikan kebenaran, kehormatan malah artifak yang dikumpul tidak ternilai harganya dan mempunyai kaitan antara upacara dan masa (Julia : 1990).

Menurut beberapa penulis (Karp and Kratz, 1991; Haraway, 1984; Duncan and Wallach, 1978), berpendapat muzium adalah kuasa kebudayaan yang tiada tolok bandingnya, hebat dan merupakan eksklopedia pengetahuan.

Menurut Geo Brown Goode (1895), beliau mendefinisikan muzium sebagai '*An institution for the preservation of those objects which best illustrate the phenomena of nature and the work of man, and utilization of these to increase knowledge and for the culture and the enlightenment of the people*'.

## 2.2 Pendidikan

Pendidikan adalah satu proses pembelajaran yang dilakukan berdasarkan pengalaman empirikal iaitu pengalaman yang dilalui secara pembacaan, kajian serta hubungan dengan faktor persekitaran. Ia juga boleh berlaku dalam dua cara yang berbeza iaitu secara formal dan tidak formal. Pendidikan formal biasanya berlaku semasa waktu persekolahan manakala pendidikan tidak formal berlaku di luar alam persekolahan iaitu semasa berada di rumah contohnya berkomunikasi dengan ibu bapa dan sebagainya. (Stone & Mackenie : 1990)

Ahli psikologi menjelaskan bahawa melalui pendidikan kanak-kanak mula berfikir dan merasai tentang sesuatu yang mereka pelajari dan bagaimana proses pembelajaran itu berlaku. Mereka mula mencari apakah pengaruh yang terdapat melalui unsur motivasi dan bagaimana pelajaran tersebut mempengaruhi mereka. Perkara lain ialah mengenai pengetahuan ialah kejelasan, kesungguhan dan pengajaran secara langsung dan aktif. (Shuell :1996)

Sumber sejarah berpotensi sebagai aset yang mempunyai kepentingan dan dinamik dalam skop aset pendidikan. Maklumat atau perkara-perkara yang berkaitan dengan koleksi lepas seperti artifak dapat dipelajari di muzium. Ini mungkin dipelajari dan telah ditetapkan secara formal dalam sistem pembelajaran dan juga berlaku dalam situasi tidak formal dan yang mana sesuatu yang ditemui semasa di muzium atau semasa berada di kawasan sejarah (*heritage*), atau yang digabungkan dengan kawasan persekitaran.

### 2.3 Pendidikan Muzium

Pendidikan muzium adalah suatu pembelajaran yang dapat dilakukan dengan cara melihat bahan pameran, menyentuh koleksi artifak yang dipamerkan dan merasai kekukuhannya, mendengar penjelasan yang diberikan tentang koleksi artifak yang dipamerkan, memegang bahan koleksi yang dipertontonkan melalui himpunan koleksi artifak yang dipamerkan di sesebuah muzium (Condit: 1976).

Pembelajaran secara tidak formal dan lebih berasaskan kepada pengalaman empirikal adalah salah satu cara yang telah dilakukan oleh pihak permuziuman bagi menarik minat para pelawat yang datang ke muzium. Secara tidak langsung, pengalaman secara empirikal seperti melihat, menyentuh, mendengar penjelasan daripada kurator, dan memegang bahan koleksi yang telah dipamerkan di muzium sedikit sebanyak telah memberikan rasa keseronokan kepada sesiapa yang melawat muzium.

Mengikut takrifan yang telah diberikan oleh Kamus Dewan, pembelajaran adalah proses belajar untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan menjalani latihan.

Selain itu, muzium pada masa kini menjadi sebuah institusi yang berkuasa dalam pendidikan. Pendidikan muzium menjadi tema yang sentiasa berulang-ulang semasa di abad terakhir yang bukan sahaja dalam kesusasteraan muzium tetapi juga melibatkan persidangan muzium antarabangsa. (*International Council of Museum* : 1972)

Pembangunan muzium pada masa kini dapat dibangunkan dengan memperkenalkan muzium melalui pendidikan di serata dunia untuk memastikan mereka mendapat lebih banyak maklumat yang benar dan berasas. Pendidikan muzium juga dapat

menjamin pekekalan identiti budaya untuk terus dihayati oleh masyarakat. Muzium bukan lagi sebuah rumah stor atau agen untuk penyimpanan barang-barang bersejarah. (Kenneth Hudson : 1976)

Di sesetengah negara, beberapa program telah dijalankan bagi tujuan pendidikan di sesebuah bangunan atau muzium yang hanya boleh digunakan oleh sebilangan kecil pelajar dan pelajar kumpulan yang lain. (Olofsson : 1979)

Selain itu menurut Olofsson (1979), pendidikan muzium juga bertujuan untuk memastikan maklumat yang diperolehi adalah pada aliran yang betul. Pelawat- pelawat yang datang ke muzium juga dapat melihat bahan-bahan pameran dan dapat bertukar-tukar pendapat, cadangan sesama meraka sekaligus dapat memberi peluang yang professional untuk melihat koleksi-koleksi yang dihimpunkan.

Menurut Suzanne Keene (2005), kebanyakan muzium mempunyai peranan yang penting dalam pendidikan. Menurut beliau lagi, salah satu sebab mengapa muzium ditubuhkan pada peringkat awal adalah bertujuan untuk belajar dan mengajar. Beliau juga menyatakan bahawa keperluan pembelajaran tidak formal harus dibezakan dengan pendidikan formal. Untuk pembelajaran secara formal memerlukan objektif yang jelas.

Tambahan beliau menyatakan bahawa pendidikan untuk orang dewasa yang telah dilakukan oleh kebanyakan muzium adalah secara tidak formal. Contohnya organisasi muzium pada kebiasaannya menyebarkan maklumat yang telah diperolehi melalui lawatan berpandu, bengkel, demonstrasi dan sebagainya yang tidak dilakukan secara formal. Kajian pendidikan juga menunjukkan bahawa di dalam pembelajaran tidak formal yang telah dilakukan oleh muzium mendapati, setiap pengunjung yang melawati

muzium bertujuan untuk mencari proses pembelajaran yang membolehkan mereka membina suatu pengetahuan yang baru. Penglibatan pengunjung juga bukan sekadar untuk pencarian intelek tetapi juga untuk membina interaksi dengan orang lain. Walaupun keperluan tersebut berbeza-beza, lawatan berpandu yang dilakukan oleh kebanyakan muzium adalah antara yang popular.


#### **2.4 Pameran**

Di dalam pendidikan muzium terdapat beberapa kaedah yang telah dijalankan bagi menyampaikakan maklumat kepada masyarakat tentang sejarah silam. Oleh itu terdapat beberapa pendekatan yang telah diambil oleh institusi permuziuman antaranya adalah seperti pameran. Dalam mempamerkan sesuatu koleksi atau artifak perlulah mengambil kira beberapa aspek antaranya seperti kekemasan, cantik, menarik dan dapat menarik minat para pengunjung.

Menurut Sufian (2005), secara dasarnya pameran bukan hanya wujud dalam dunia perniagaan sahaja, malah ia juga telah digunakan dalam komunikasi yang lain dalam aktiviti sosial seperti pameran kesihatan, pameran sejarah, muzium, galeri yang mempamerkan karyakarya dan bahan-bahan pertanian. Beliau juga berpendapat bahawa dengan adanya komunikasi melalui pameran ini, maklumat yang hendak disampaikan kepada khalayak dapat disampaikan secara terperinci dan lebih mendalam serta khusus menjurus kepada bidang yang hendak dipamerkan.

## 2.5 KESIMPULAN

Institusi muzium juga memainkan peranan penting dalam sektor pendidikan. Melalui penubuhan sesebuah muzium kita dapat mengenal dengan lebih lanjut dan mendalam tentang sejarah yang telah berlaku pada masa silam. Dengan adanya penubuhan institusi permuziuman ini secara tidak langsung dapat mempamerkan maklumat tentang sejarah dan warisan sesebuah negara sekaligus dapat menolak tanggapan masyarakat bahawa muzium ini hanyalah sebagai tempat untuk menyimpan barangan purba atau lama sahaja. Muzium juga turut memainkan peranan penting dalam memelihara, menyelidik warisan sejarah tidak kira dari aspek kebudayaan ataupun alam semulajadi.



## BAB 3

### KAEDAH PENYELIDIKAN

UNIVERSITI

#### 3.0 Pengenalan

Beberapa pendekatan telah digunakan bagi mendapatkan sampel maklumat yang diperlukan. Kaedah penyelidikan jenis kuantitatif telah dijalankan di dalam kajian ini.

Sebelum penyelidikan dilaksanakan beberapa aspek penting perlu dilakukan yang telah dikenalpasti atau difikirkan dahulu sebelum proses penyelidikan dimulakan. Pengkaji juga telah merangka cara bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Antaranya adalah

seperti menetapkan pemilihan kawasan kajian. Selain itu, responden dipilih secara rawak dan pengambilan jumlah responden yang diperlukan iaitu seramai 50 orang responden telah diberi borang kajian soal selidik dan telah menemuramah pegawai atau kurator Muzium Kota Tinggi.

### 3.1 Pemilihan Kawasan kajian

Pemilihan kawasan kajian amat penting dalam melakukan sesuatu kajian. Pengkaji telah memfokuskan atau melimitasikan kawasan kajian. Kawasan kajian yang telah dipilih oleh pengkaji adalah di Daerah Kota Tinggi, Johor.



Gambarajah 3.1 : Peta Negeri Johor.

Negeri Johor terbahagi kepada beberapa daerah antaranya seperti Muar, Batu Pahat, Segamat, Kluang, Mersing, Kota Tinggi, Pontian dan Johor Bahru. Daerah Kota Tinggi dipilih adalah kerana daerah ini terdapat banyak pembuktian sejarah awal pembukaan Negeri Johor.



**Gambarajah 3.2 : Daerah Kota Tinggi.**

Di daerah Kota Tinggi ini juga terletak Muzium Kota Tinggi yang menyimpan khazanah masa silam Negeri Johor.

### **3.2 Kaedah Pengutipan Dan Pengumpulan Data**

Pengumpulan data merupakan proses yang paling utama dan terpenting dalam sesebuah kajian. Oleh itu, terdapat beberapa cara yang telah digunakan dalam kajian. Dalam kajian

yang telah dilakukan, pengkaji telah membahagikan kepada dua bahagian data iaitu data primer dan data sekunder.

### **3.3 Data Primer**

Data primer adalah data utama yang dilakukan bagi mendapatkan maklumat. Pengkaji telah menggunakan kaedah kaedah pengamatan atau dikenali juga kaedah penyelidikan berpartisipati dan kaedah kajian soal selidik.

#### **3.3.1 Kaedah kajian di lapangan**

Pengkaji telah menggunakan kaedah kajian di lapangan dengan cara tinjauan dan pemerhatian yang dilakukan di Muzium Kota Tinggi, Johor. Kaedah ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti perancangan yang telah dilakukan oleh pihak muzium Kota Tinggi dalam aspek hebahan maklumat kepada para pelawat.

#### **3.3.2 Borang Soal Selidik**

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kajian borang soal selidik kepada para pengunjung dan pelawat Muzium Kota Tinggi bagi mendapatkan data yang hendak diperolehi. Satu set soalan telah diedarkan kepada responden-responden yang terpilih. Pembentukan borang soal selidik adalah berasaskan objektif utama kajian.

### 3.3.2.1 Struktur Borang Soal Selidik

Di dalam borang kajian soal selidik yang telah disediakan terdapat beberapa pecahan bahagian iaitu bahagian A adalah berkaitan dengan demografi dimana terdapat enam soalan yang diajukan seperti jantina, umur, bangsa, taraf pendidikan, pekerjaan, dan status responden. Bahagian B pula berbentuk ya atau tidak dan mempunyai 10 soalan sahaja. Bahagian C berbentuk skala dan mempunyai 20 soalan yang perlu dijawab responden. Bahagian ini ingin mengkaji keberkesanan penyampaian maklumat yang telah dilakukan oleh pihak Muzium Kota Tinggi. Bahagian ini juga dapat mengupas sama ada pelawat yang datang ke Muzium Kota Tinggi ini berjaya menimbulkan semangat patriotik ataupun tidak. Akhir sekali adalah bahagian D. Bahagian D terdiri dari lima soalan dan berbentuk objektif. Soalan di bahagian D ingin mengupas bagaimana pelawat yang datang ke Muzium Kota Tinggi mengetahui kewujudan muzium tersebut. Selain itu, bahagian ini juga ingin merungkai bagai mana perasaan para pelawat apabila mengunjungi Muzium Kota Tinggi.

Borang soal selidik yang telah siap disemak oleh penyelia akan diedarkan kepada responden. Borang soal selidik diedarkan melalui serahan tngn, ini bagi memastikan lebih banyak responden yang memberi maklum balas kepada borang soal selidik.

### 3.3.3 Responden

Terdapat beberapa responden yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini. Antara responden yang telah dipilih terbahagi kepada dua kategori iaitu :

- I. Kakitangan Muzium Kota Tinggi termasuk pegawai kurator Muzium Kota Tinggi. Golongan ini merupakan antara golongan yang pakar dalam selok-belok permuziuman.
- II. Masyarakat awam. Mereka adalah responden yang terlibat secara langsung dalam kajian kes yang sedang dijalankan. Mereka terdiri daripada pelancong yang melawat Muzium Kota Tinggi, masyarakat sekitar daerah Kota Tinggi.

## 3.4 Data Sekunder

Perolehan data sekunder adalah pengumpulan data kedua terpenting dalam pengumpulan data. Perolehan data sekunder yang dilakukan adalah seperti mencari maklumat yang berkaitan dengan aspek yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Antara teknik yang dilakukan adalah dengan merujuk kepada buku, artikel, jurnal, dan bahan-bahan rujukan penulisan serta maklumat dari internet.

### 3.4.1 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperoleh dari buku-buku yang memiliki maklumat yang berkaitan dengan tajuk

kajian yang dikaji oleh pengkaji. Sorotan kajian yang telah dilakukan juga menggunakan kadedah kajian perpustakaan bagi mendapatkan dapatan kajian yang terdahulu untuk menambahkan hujah-hujah yang diberikan.

### **3.4.2 Kajian Internet**

Pengkaji telah mendapatkan beberapa maklumat untuk menghubungi Muzium Kota Tinggi menggunakan laman sesawang muzium tersebut. Pengkaji telah melayari laman sesawang Muzium Kota Tinggi iaitu [www.ywj.gov.my](http://www.ywj.gov.my) bagi mendapatkan maklumat untuk berhubung kepada Muzium Kota Tinggi. Antara maklumat yang terdapat pada laman sesawang Muzium Kota Tinggi yang diperlukan oleh pengkaji adalah seperti lokasi muzium tersebut yang beralamat JKR 1858 (P), Jalan Laksamana, 81900 Kota Tinggi, Johor. Selain itu bagi memudahkan pengurusan untuk berhubung.

### **3.5 Analisis Data**

Data dan maklumat yang telah diperolehi akan dianalisis dan diolah untuk mendapatkan kesimpulan dan penyelesaian masalah terhadap kajian yang telah dijalankan.

Data yang telah diperolehi dianalisa menggunakan kaedah analisis kekerapan dan peratusan. Hasil daripada data yang telah dianalisis akan digambarkan dalam bentuk cara pai dan carta bar bagi memudahkan pemahaman pembaca membuat rumusan dan kesimpulan terhadap kajian yang telah dilakukan.

### 3.6 KESIMPULAN

Di dalam Bab 3, pengkaji telah menerangkan bagaimana kaedah-kaedah kajian yang dijalankan dalam menjayakan kajian ini. Pengkaji juga menerangkan sedikit sebanyak tentang latar belakang tempat kajian yang dikaji bagi memudahkan pengkaji membataskan kajian yang dilakukan.



## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

---

Dapatan kajian telah dilakukan dengan dua kaedah iaitu dari kaedah pemerhatian (*observation*) dan mengedarkan borang kajian soal selidik. Kaedah pemerhatian (*observation*) adalah untuk mengenalpasti konsep pameran yang telah dilakukan serta mengkaji teknik dan persembahan yang telah dilakukan oleh pihak Muzium Kota Tinggi.

Kajian melalui borang soal selidik pula terbahagi kepada beberapa bahagian dan soalan yang diberikan adalah berdasarkan objektif kajian yang dilakukan. Objektif kajian iaitu mengetahui keberkesanan muzium dalam memberi maklumat berpendidikan serta rujukan, mengetahui tahap keberkesanan muzium dalam bentuk jati diri dan semangat patriotisme masyarakat, muzium menjadi lambang warisan dan budaya. Borang kajian soal selidik terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Bahagian A mengenai demografi responden seperti gender, umur, bangsa, taraf pendidikan, pekerjaan dan status. Manakala bahagian B pula lebih kepada soalan untuk menganalisa keberkesanan muzium dalam memberikan maklumat serta rujukan. Dalam bahagian B terdapat 10 soalan. Bahagian C pula bagi menilai tahap keberkesanan muzium dalam membentuk jati diri dan semangat patriotisme masyarakat. Bahagian ini juga mengandungi 10 soalan. Akhir sekali ialah bahagian D mengkaji sejauh mana Muzium Kota Tinggi menjadi lambang warisan dan budaya. Dalam bahagian ini juga terdapat 10 soalan yang diajukan.

#### **4.1 Latar Belakang Dan Rasional Penubuhan Muzium Kota Tinggi.**

Usaha pihak Kerajaan negeri Johor melalui agensi-agensi dan Yayasan Warisan Johor untuk mengadakan sebuah muzium di Johor adalah satu langkah yang positif, ini adalah kerana sebelum ini negeri Johor tidak mempunyai sebuah Muzium Negeri melainkan Muzium Di Raja di Istana Besar Johor Bahru.

Daerah Kota Tinggi yang dipilih adalah suatu daerah yang amat signifikan kepada Negeri Johor kerana terdapatnya sederetan bekas tapak pemerintahan Kerajaan Johor

Lama antaranya Kota Johor Lama, Kampung teluk Sengat dan Kota Batu yang telah dimusnahkan oleh orang Portugis, Paula de Lima Pareira.

Lembah Sungai Johor menjadi tempat yang menyambung dan mengakhiri zuriat Kesultanan Melayu Melaka dengan mengambil kira tahun 1529 bermulanya pusat Kerajaan Johor di Pekan Tua (Pasir Raja) dan diikuti oleh Johor Lama dalam tahun 1940 bererti tamadun Melayu telah bertapak di Kota Tinggi ini lebih dari 400 tahun.

Di lembah ini juga munculnya Tun Seri Lanang yang menjadi Bendahara Paduka Raja dan ini menjadikan daerah Kota Tinggi hari ini sebagai tempat terciptanya sejarah Melayu. Ini merupakan histografi Melayu yang agung dan menjadi bahan rujukan utama dalam mengkaji keagungan bangsa Melayu

Dari Kerajaan Johor di pinggir Sungai Johor inilah diteruskan perjuangan menawan kembali Melaka dari Portugis. Kerajaan Johor telah membantu Belanda menawan Melaka dalam tahun 1641.

Sebagai langkah terbaik untuk memulihara makam dan tinggalan lain menjadi lebih bermakna dengan terbinanya sebuah muzium yang menyimpan segala khazanah Kerajaan Johor Lama dan makam-makam yang lain menjadi pusat tarikan pelancong yang berkunjung ke muzium.

Penubuhan muzium bersama melawat makam-makam dan tempat bersejarah lain dihilir serta mudik semula ke hulu Sungai Johor dengan kapal perlancongan khas menjadikan daerah Kota Tinggi pusat perlancongan yang berdaya maju. Ini memungkinkan Sungai Johor itu menjadi tarikan perlancongan yang unik seperti di Sungai

Rhine, Jerman. Dari Kota Tinggi berdamai wasita hingga ke Tanjung Surat. Tanjung Surat ialah pusat pentadbiran moden yang awal bagi daerah Kota Tinggi.

Muzium daerah Kota Tinggi juga ditubuhkan bagi menjadi satu mangkin yang akan mengumpul sejarah dan warisan budaya dalam bentuk :

- I. Artifak tinggalan sejarah
- II. Pembinaan model kota dan istana
- III. Sejarah lisan
- IV. Kitab lama dan manuskrip
- V. Gambar foto lama
- VI. Pakaian
- VII. Perhiasan

(Sumber : Muzium Kota Tinggi)

#### **4.1.1 Objektif Muzium Kota Tinggi**

Terdapat beberapa objektif yang telah digariskan oleh pihak Muzium Kota Tinggi. Objektif Muzium Kota Tinggi adalah menjadi institusi yang memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dalam bentuk memperolehi, memulihara, mengkajiselidik, berhubung dan mempamerkan bukti material manusia dan persekitarannya bagi tujuan kajian dan pendidikan.

Secara khususnya Muzium Kota Tinggi akan menjadi gedung ilmu pengetahuan yang menjalankan fungsi-fungsi seperti:

- i. Perolehan
- ii. Menyimpan, memelihara dan memulihara
- iii. Menyelidik
- iv. Mempamer
- v. Menerbit segala khazanah warisan sejarah dan budaya yang terdapat di Lembah Sungai Johor iaitu pusat kegemilangan Kerajaan Johor.

Dengan itu Muzium Kota Tinggi akan menjuruskan tumpuannya kepada sejarah Kesultanan Johor Lama, institusi politik dan sosioekonomi daerah Kota Tinggi hari ini yang meliputi perkembangan dari zaman kegemilangan Johor Lama 1529 – 1750 sehinggalah ke zaman pembangunan hari ini.

Wujudnya muzium ini dapat membangkitkan kebanggaan rakyat Johor, dan menunjukkan bahawa Kerajaan Johor adalah pusat tamadun Melayu selepas zaman kejatuhan Melaka 1511.

#### **4.1.2 Konsep Pameran Asal**

Konsep pameran yang telah dilakukan oleh pihak Muzium Kota Tinggi terbahagi kepada empat sektor perkembangan (kronologi) iaitu :

- i. Kota Tinggi di Hujung Tanah : Zaman Gemilang Lembah Sungai Johor


- ii. Kota Tinggi Dalam Era Johor Moden (1855 - 1914)
- iii. Daerah Kota Tinggi Pertumbuhan dan Perkembangannya (1914 – 1945)
- iv. Pembangunan Daerah Kota Tinggi (1946 – 1994)

Namun terdapat beberapa perubahan yang telah dilakukan oleh pihak Muzium Kota Tinggi. Antaranya penambahan Pameran koleksi iaitu segmen sejarah Johor Moden yang mana mempamerkan Pameran Kembara Mahkota Johor. Terdapat koleksi-koleksi pengembaraan Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar Al-Haj Tunku Mahkota Johor pada masa itu.

Ruang pameran telah diadakan di Ruang Pameran 2 iaitu pameran sementara yang berada di tingkat atas Muzium Kota Tinggi. Pameran di ruang atas Muzium Kota Tinggi juga ada mempamerkan Galeri Menteri Besar Johor. Di dalam galeri ini pihak muzium memaparkan kronologi para menteri yang pernah menjawat jawatan menteri besar Johor. Antara nama-nama yang pernah menjawat sebagai menteri besar Johor adalah seperti :

1. Dato' Jaafar Bin Haji Muhammad (1882 - 1919)
2. Dato' Muhammad Bin Mahbub (1920 – 1922)
3. Dato' Abdullah Bin Jaafar (1922 – 1928)
4. Dato' Mustafa Bin Jaafar (1928 – 1931)
5. Dato' Abdul Hamid Bin Yusof (1931 – 1943)
6. Ungku Abdul Aziz Bin Abdul Majid (1935 – 1974)
7. Dato' Onn Bin Jaafar (1947 – 1950)

- 8. Dato' Syed Abdul Kadir Bin Mohamed (1952 – 1955)
- 9. Dato' Wan Idris Bin Ibrahim (1955 – 1959)
- 10. Tan Sri Dato' Haji Hassan Bin Haji Yunos (1959 – 1967)
- 11. Tan Sri Haji Othman Bin Mohd. Saat (1967 – 1982)
- 12. Dato' Abdul Ajib Bin Ahmad (1982 – 1986)
- 13. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin (1986 – 1995)
- 14. Dato Haji Abdul Ghani Bin Othman (1995 hingga kini)



Gambarajah 4.1 : Pelan Lantai Muzium Kota Tinggi

### 4.1.3 Teknik Persembahan Pameran

Terdapat beberapa teknik persembahan pameran yang telah dilakukan oleh pihak Muzium Kota Tinggi bagi menarik minat pengunjung untuk memahami maklumat dan sejarah yang ingin disampaikan kepada pengunjung. Antara teknik yang terdapat di Muzium Kota Tinggi seperti berikut :

#### i. Model



**Gambarajah 4.2 : Gambar Penggunaan Model Bagi Memperagakan**

#### **Busana Cina**

Gambarajah 4.2 menunjukkan busana atau pakaian pedagang cina yang datang ke Tanah Melayu untuk berdagang.




**Gambarajah 4.3 : Penggunaan Model Bagi Memperagakan Busana Melayu**


Gambarajah 4.3 menunjukkan kaedah penggunaan model bagi memperlihatkan dan memperjelaskan bagaimana busana atau pakaian orang Melayu. Dengan penggunaan model sebegini dapat memperlihatkan secara jelas bagaimana cara dan kaedah pemakaian pakaian orang Melayu Tradisional.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ii. Peta



Gambarajah 4.4 : Peta Johor Lama



Gambarajah 4.5 : Peta Lama

Terdapat juga penggunaan paparan peta untuk permbelian maklumat kepada pengunjung. Peta seperti yang tertera pada Gambarajah 4.4 menunjukkan kawasan pemerintahan Johor Lama. Gambarajah 4.5 pula menunjukkan peta lama yang digunakan penjajah semasa era penjajah Portugis.

### iii. Lukisan



**Gambarajah 4.6 : Lukisan Menceritakan Peristiwa Bersejarah**

Gambarajah 4.6 menunjukkan penggunaan ilustrasi lukisan bagi menggambarkan situasi bagaimana keadaan yang berlaku semasa cubaan angkatan perang Johor untuk mengepung Melaka dengan dibantu oleh Perak, Pahang dan Jawa (kiri). Selain itu terdapat juga ilustrasi yang dibuat dimana pihak Portugis menyerang

Johor (tengah) dan ilustrasi gambar dimana permulaan Pemerintahan Kesultanan Johor di Pekan Tua.

**iv. Gambar foto tokoh dan peristiwa**



**Gambarajah 4.7 : Foto-foto Yang Terdapat Di Galeri Menteri Besar Johor**

Gambarajah 4.7 menunjukkan foto-foto tokoh yang pernah menjawat jawatan Menteri Besar Johor. Pameran ini dilakukan di Galeri Menteri Besar Johor yang berada di tingkat atas Muzium Kota Tinggi.

Dalam galeri ini juga terdapat pakaian-pakaian yang telah digunakan dalam majlis rasmi yang telah digunakan oleh bekas menteri-menteri Johor. Terdapat juga penerangan menggunakan teks di setiap pameran foto yang diberikan.

v. **Perlatan**



**Gambarajah 4.8 : Peralatan Harian Yang Digunakan Oleh Orang Melayu**



**Gambarajah 4.9 : Peralatan Pertahanan Diri**

Gambarajah 4.9 menunjukkan peralatan harian yang biasa digunakan oleh masyarakat Melayu seperti peralatan menangkap ikan, bakul, kotak menyimpan

barang dan lain-lain lagi. Manakala Gambar 5 menunjukkan peralatan pertahanan diri iaitu keris.


**vi. Diorama**



**Gambarajah 4.10 : Gambaran Sultan Alauddin Riayat Shah II Ditawan  
Acheh**

Gambarajah 4.10 menunjukkan gambaran dimana Sultan Alauddin Riayat Syah II ditawan oleh Acheh. Dari gambaran yang telah dipamerkan menggunakan model ini serba sedikit dapat memperjelaskan bagaimana berlakunya keadaan semasa


Sultan Alauddin Riayat Shah II ditawan. Terdapat juga penggunaan teks bagi penceritaan penuh bagaimana keadaan itu berlaku. Setiap gambaran yang menggunakan model dibekalkan dengan penceritaan melalui teks bagi memudahkan dan memperjelaskan secara terperinci keadaan sebenar kepada para pengunjung.



**Gambarajah 4.11 : Penggunaan Model yang menggambarkan Tun Sri Lanang sedang menyusun sejarah Melayu di Pasir Raja**

Gambarajah 4.11 menunjukkan situasi bagaimana Tun Sri Lanang Sedang menyusun Sejarah Melayu di Pasir Raja. Dengan penunjukkan model yang menyerupai watak sebenar Tun Sri Lanang dari segi pakaian, bahan penulisan dan

latar tempat dapat mewujudkan suasana dan keadaan sebenar situasi tersebut kepada pengunjung.



**Gambarajah 4.12 : Penggunaan Teks**

Bagi memudahkan lagi penyampaian maklumat dan penceritaan sebenar bagaimana keadaan ini berlaku, pihak Muzium Kota Tinggi juga telah membuat penerangan dengan menggunakan teks. Pengkaji telah mendapati bahawa terdapat juga penerangan yang digunakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Penerangan yang menggunakan dwi bahasa ini dapat memudahkan lagi para pengunjung yang datang dari luar negara khususnya yang tidak tahu berbahasa Melayu untuk memahami maklumat yang disampaikan.

## 4.2 Statistik Pengunjung Ke Muzium Kota Tinggi

Statistik pengunjung dilakukan adalah bagi mengetahui bilangan para pelawat yang mengunjungi Muzium Kota Tinggi. Pihak muzium telah memetakan data pelawat dan telah dibahagikan kepada empat golongan yang terdiri dari orang awam, pelajar, pelancong asing dan pelajar yang membuat kajian. Data pengunjung sentiasa dikemaskini bagi memastikan Muzium Kota Tinggi mendapat peningkatan lawatan dari masa ke semasa. Dengan adanya statistik pengunjung yang melawati muzium ini membolehkan pihak muzium memperbaiki dan mencari idea baru bagi menarik lebih ramai pengunjung melawati muzium.

### 4.2.1 Statistik Pengunjung Ke Muzium Kota Tinggi


Jadual dibawah menunjukkan statistik data pegunjung dari bulan Januari hingga Ogos 2011										
BIL	PERKARA	BULAN								JUMLAH
		JAN	FEB	MAG	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	
1	Orang Awam									
	*Dewasa	448	372	263	370	454	2068	718	109	4802
	*Kanak-kanak	136	156	392	350	295	1223	121	88	2761
2	Pelajar	269	18	962	308	271	141	432	18	2419
3	Pelancong Asing									
	*Singapura	44	30	271	158	333	67	127		1030
4	Pelajar yang Membuat Kajian	6	2					4		12
	<b>JUMLAH</b>	<b>903</b>	<b>578</b>	<b>1888</b>	<b>1186</b>	<b>1353</b>	<b>3499</b>	<b>1402</b>	<b>215</b>	<b>11024</b>

Gambarajah 4.13 : Jadual statistik data pengunjung dari bulan Januari hingga Ogos 2011

(Sumber : Muzium Kota Tinggi)


Jadual menunjukkan kedatangan para pelawat yang melawati Muzium Kota Tinggi pada bulan Januari hingga bulan Ogos tahun 2011. Para pelawat yang mengunjungi Muzium Kota Tinggi pula dibahagikan kepada empat golongan iaitu orang awam, pelajar, pelancong asing dan pelajar yang membuat kajian. Mengikut Gambarajah 4.13 mendapati kedatangan para pelawat ke Muzium Kota Tinggi adalah tidak konsisten.

Didapati pengunjung tertinggi sepanjang bulan tersebut adalah orang awam iaitu sebanyak 3291 orang pada bulan Jun dan pengunjung yang terendah adalah pelajar yang membuat kajian. Ini menunjukkan mahasiswa tidak didedahkan kepada sejarah ataupun mereka lebih berminat kepada teknologi yang semakin canggih untuk generasi Y. Dato' Ibrahim Ismail berkata punca kurang minat mengunjungi muzium, beliau percaya, masyarakat terutama generasi muda mempunyai banyak pilihan hiburan dan mengisi masa terluang untuk aktiviti sedemikian (Utusan Malaysia, Mei 2011).



**Gambarajah 4.14 : Graf Jumlah Pengunjung Dari Bulan Januari Hingga Ogos 2011**

Kedatangan pelawat yang paling tinggi ke Muzium Kota Tinggi adalah pada bulan Jun iaitu 3499 orang, iaitu terdapat cuti persekolahan dan pihak sekolah mengadakan rombongan ke Muzium Kota Tinggi. Selain dari itu, ibu bapa dapat meluangkan masa untuk membawa anak-anak menimba pengetahuan dengan melawat muzium. Seterusnya, bilangan pelawat terendah adalah pada bulan Ogos iaitu sebanyak 215 orang. Seperti mana yang diketahui, pada bulan Ogos 2011 bersamaan Bulan Ramadhan Al-Mubarak, oleh itu kadar lawatan berkurangan dari 1402 pada bulan Julai 2011 kepada 215 pada bulan Ogos 2011. Pada bulan tersebut masyarakat atau orang awam sibuk membuat persiapan untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri menyebabkan kurangnya pengunjung yang datang ke Muzium Kota Tinggi.



**Gambarajah 4.15 : Carta Pai Peratus Pengunjung Dalam Tempoh Lapan Bulan**

Mengikut carta pai peratusan pengunjung dalam tempoh lapan bulan pada tahun 2011 menunjukkan golongan orang dewasa adalah golongan yang paling ramai mengunjungi Muzium Kota Tinggi iaitu sebanyak 44% dengan bilangan 4802 orang. Golongan kanak-kanak adalah golongan yang kedua terbesar iaitu sebanyak 25% dengan bilangan 2761 orang dan diikuti golongan pelajar sebanyak 22% dengan bilangan 2419 orang, pelancong asing sebanyak 9% dengan bilangan 1030 orang dan akhir sekali adalah golongan pelajar yang membuat kajian adalah 0% dengan bilangan 12 orang. Data menunjukkan pelajar yang membuat kajian amat sedikit. Pendedahan pihak institusi pengajian tinggi tidak kira institusi awam mahupun institusi swasta tentang muzium kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi akan kepentingan muzium itu sendiri kepada individu serta masyarakat tidak cukup memberangsangkan. Pada masa kini hanya terdapat sebuah universiti

sahaja yang menekankan tentang pengajian warisan iaitu Universiti Malaysia Kelantan. Ini jelas dinyatakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium, Datuk Ibrahim Ismail didalam Blog Rasmi jabatan Muzium Malaysia, “*Malah muzium jarang disenaraikan sebagai tempat kunjungan sekeluarga berbanding destinasi percutian lain dan juga pusat beli-belah. Muzium hanya menjadi tempat rombongan murid sekolah, itupun dalam suasana pembelajaran dan pengajaran dan pengajaran tidak dibawa ke dalam muzium sebaliknya sekadar menonton artifak yang dipamerkan*”.

#### **4.3 Analisis Data Borang Kajian Soal Selidik**


Kajian telah dijalankan pada 26 september 2011 iaitu pada hari Isnin. Pengkaji telah menyediakan borang soal selidik dan diberikan kepada 50 orang responden yang diambil secara rawak. Namun begitu, pengkaji juga telah meminta bantuan dari kurator muzium untuk mengedarkan kepada para pelawat yang berkunjung ke Muzium Kota Tinggi. Pada 1 Oktober 2011 borang kajian soal selidik telah dikutip.

##### **4.3.1 Analisis Borang Soal Kajian Selidik Bahagian A**

Bahagian A dalam borang kajian soal selidik ingin mendapatkan maklumat demografi responden. Antara maklumat yang ingin diperolehi adalah seperti jantina, umur, bangsa, taraf pendidikan, pekerjaan dan status responden. Antara data yang ingin dilihat adalah bilangan responden mengikut jantina, bilangan

responden mengikut peringkat umur, bilangan responden mengikut bangsa dan taraf pendidikan responden. Berikut adalah carta pai menunjukkan responden yang diambil secara rawak di Muzium Kota Tinggi :

**A) Bilangan Responden Mengikut Jantina**




**Gambarajah 4.16 : Carta Pai Responden Yang Diambil Secara Rawak Di Muzium Kota Tinggi**

Carta pai menunjukkan peratusan pelawat lelaki dan perempuan yang datang melawat Muzium Kota Tinggi. Dengan merujuk carta pai 2 menunjukkan responden perempuan adalah pelawat yang paling kerap mengunjungi Muzium Kota Tinggi iaitu sebanyak 80% dengan bilangan 40 orang. Selebihnya diikuti oleh lelaki sebanyak 20% dengan bilangan 10 orang.

Dengan merujuk data yang telah diperolehi bilangan pengunjung perempuan adalah lebih besar daripada bilangan pengunjung lelaki. Kaum lelaki kurang berminat untuk mengunjungi muzium dan mengetahui tentang sejarah berbanding dengan kaum wanita. Senario disebabkan kurangnya kesedaran masyarakat bahawa betapa pentingnya sejarah untuk membina jati diri seseorang itu. Menurut Nurhayati (2011), pengetahuan mengenai kepentingan muzium sebagai tempat penyebar maklumat, mendidik, dan memupuk kesedaran masyarakat terhadap sejarah serta keunikan budaya.

#### B) Bilangan Responden Mengikut Umur



Gambarajah 4.17 : Graf Taburan Umur Setiap Responden

Dengan merujuk Gambarajah 4.17 : Graf Taburan Umur Setiap Responden telah dibahagikan kepada enam peringkat umur iaitu dari 7 hingga 9 tahun, 10 hingga 12 tahun, 13 hingga 15 tahun, 16 hingga 19 tahun, 20 hingga 25 tahun dan akhir sekali adalah 26 tahun keatas.

Mengikut graf yang telah ditunjukkan peringkat umur 16 hingga 19 tahun adalah paling ramai dengan bilangan 33 orang. Peringkat umur ke dua tertinggi adalah peringkat umur 20 hingga 25 tahun dengan bilangan 9 orang responden dimana majoritinya lebih menumpukan hiburan dan pergaulan rakan sebaya berbanding dari menimba lebih banyak pengetahuan dari fakta sejarah. Menurut Khazin (2009), kumpulan generasi muda hari ini dan akan datang yang hanya menikmati kemewahan hidup adalah amat perlu untuk memahami sejarah perkembangan dan kemajuan tanah airnya terutamanya sejak zaman kegemilangan dan perkembangan negeri-negeri Melayu sebelum kedatangan penjajah sehinggalah ke zaman perjuangan pemimpin dan tokoh tempatan untuk membebaskan negara ini daripada belenggu penjajah.

Ketiga adalah peringkat umur 13 hingga 15 tahun dengan bilangan 6 orang. Manakala peringkat umur 10 hingga 12 tahun dan peringkat umur 26 tahun keatas adalah sama banyak dengan bilangan 1 orang. Tiada taburan umur pada peringkat 7 hingga 9 tahun.

Dari data yang telah diperolehi dapat dilihat bahawa responden yang berumur 16 tahun hingga 19 tahun adalah paling banyak berbanding dengan responden diperingkat umur yang lain. Jika dilihat responden yang berumur 16


tahun hingga 19 tahun adalah masih dalam peringkat alam persekolahan iaitu menengah atas pelajar yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang mengambil mata pelajaran sejarah.

Pada peringkat umur 20 tahun hingga 25 tahun pula hanya mempunyai 9 orang responden sahaja. Kesibukan para remaja masa kini mencari kerja dan kurang berminat untuk mengunjungi muzium pada masa lapang. Begitu juga pada responden peringkat umur 26 tahun keatas.

Tiada catatan data menunjukkan responden yang berumur 7 tahun hingga 9 tahun yang datang mengunjungi Muzium Kota Tinggi. Fenomena ini disebabkan oleh faktor ibu bapa yang kurang mengambil berat tentang pendidikan sejarah. Hal ini adalah kerana dilihat bahawa pada peringkat umur 7 tahun hingga 9 tahun perlu pengawasan dan bimbingan ibu bapa atau pihak sekolah apabila mahu melawat ke muzium.

Dari dapatan kajian yang telah dilakukan terhadap bilangan responden yang mengunjungi Muzium Kota Tinggi dapat disimpulkan bahawa golongan orang dewasa iaitu dari peringkat umur 26 tahun keatas tidak gemar untuk melawat muzium sama ada disebabkan kesibukan masa bekerja atau semangat untuk memperingati dan mempelajari sejarah semakin berkurangan.

**C) Bilangan Responden Mengikut Bangsa**




**Gambarajah 4.18 : Graf Bilangan Responden Mengikut Bangsa**

Gambarajah 4.18 menunjukkan bilangan responden yang melawati Muzium Kota Tinggi mengikut bangsa dan terbahagi kepada empat bangsa iaitu Melayu, Cina, India serta Sabah dan Sarawak.

Merujuk kepada graf menunjukkan bangsa Melayu adalah pelawat yang paling ramai mengunjungi Muzium Kota Tinggi dengan bilangan 47 orang diikuti oleh bangsa Cina dengan bilangan 2 orang, Sabah dan Sarawak 1 orang dan tiada data menunjukkan bangsa India mengunjungi Muzium Kota Tinggi.

Dengan melihat graf majoriti pelawat yang mengunjungi muzium adalah dari bangsa Melayu. Hal ini menggambarkan kurangnya keprihatinan dan kesedaran kaum lain terhadap sejarah terutamanya dari kaum Cina dan India.

#### D) Bilangan Responden Mengikut Taraf Pendidikan



**Gambarajah 4.19 : Graf Taraf Pendidikan Responden**

Dengan merujuk graf taraf pendidikan responden menunjukkan kebanyakan responden yang melawat ke Muzium Kota Tinggi adalah bertaraf SPM iaitu dengan bilangan 23 orang daripada 50 orang responden. Responden yang mempunyai taraf pendidikan STPM pula adalah kedua tertinggi dengan bilangan 18 orang. Pelawat yang mempunyai taraf pendidikan PMR adalah ketiga tertinggi dalam carta dengan bilangan 7 orang diikuti dengan taraf pendidikan UPSR dengan bilangan 2 orang. Tiada catatan pengunjung yang bertaraf Ijazah melawat ke muzium.

#### 4.3.2 Analisis Borang Kajian Soal Selidik ( Bahagian B )

Dalam analisis soal selidik bahagian B ini pengkaji ingin mengetahui keberkesanan muzium dalam memberikan maklumat berpendidikan serta rujukan. Dalam bahagian ini terdapat 10 soalan kesemuanya. Pengkaji juga telah membahagikan peratusan jawapan kepada tiga bahagian iaitu dari segi pendapat dan ingin mengetahui keberkesanan media yang telah digunakan oleh pihak muzium serta cara pameran Muzium Kota Tinggi sama ada berkesan terhadap pengunjung dalam menyampaikan maklumat ataupun tidak. Antara bahagian yang telah dipecahkan adalah seperti berikut :


- Pendapat pelawat yang mengunjungi Muzium Kota Tinggi sama ada pihak muzium dapat memberikan maklumat berpendidikan serta rujukan.
- Keberkesanan media yang telah digunakan oleh pihak muzium untuk menyebarkan maklumat kepada pengunjung.
- Keberkesanan pameran yang telah dipamerkan kepada pengunjung sama ada memberi kesan yang positif ataupun tidak.

Bahagian pertama iaitu soalan yang bertanyakan pendapat adalah seperti soalan nombor 1 yang menanyakan minat pengunjung sama ada berminat dengan sejarah atau tidak. Soalan nombor lima pula ingin mengetahui bagaimana reaksi pengunjung apabila melawati Muzium Kota Tinggi sama ada seronok atau sebaliknya. Akhir sekali adalah soalan nombor 10 di mana soalan menanyakan sama ada pengunjung berminat atau tidak untuk melawati Muzium Kota Tinggi semula pada masa akan datang.

Bahagian kedua pula adalah soalan-soalan yang lebih menekankan keberkesanan penggunaan media yang telah digunakan oleh pihak Muzium Kota Tinggi untuk penyampaian maklumat kepada pengunjung. Terdapat empat soalan yang berkait dengan keberkesanan penggunaan media yang telah digunakan oleh pihak Muzium Kota Tinggi adalah soalan nombor 2 iaitu berkaitan dengan brosur sama ada dibekalkan kepada pengunjung atau tidak. Soalan nombor 3 peranan kurator dalam memberikan perkhidmatan kepada pengunjung. Soalan nombor 6 berkaitan dengan penggunaan sistem audio (kesan bunyi) semasa melihat pameran di dalam Muzium Kota Tinggi. Akhir sekali soalan nombor 9 yang berkaitan dengan penggunaan laman sesawang Muzium Kota Tinggi.

Bahagian ketiga pengkaji ingin melihat keberkesanan pameran yang telah dilakukan oleh pihak muzium dalam menyebarkan maklumat kepada pengunjung. Antara soalan yang berkaitan dengan keberkesanan pameran adalah soalan 4 yang menanyakan tentang kefahaman pengunjung apabila melihat cara persembahan maklumat yang disampaikan oleh pihak muzium. Soalan 7 pula menanyakan pendapat pengunjung yang melawati Muzium Kota Tinggi sama ada pihak muzium perlu atau tidak memperbaiki cara persembahan dan penyampaian maklumat kepada para pengunjung dan akhir sekali soalan 8 yang menanyakan pendapat pengunjung adakah pengisian muzium dilengkapi dengan ilustrasi yang menarik. Pecahan ketiga ini bertujuan ingin mengkaji dan mengetahui sama ada pengunjung yang datang melawat muzium ini memahami atau sebaliknya terhadap maklumat yang diberikan oleh pihak muzium.

**A) Graf Menunjukkan Maklum Balas Responden Terhadap Keberkesanan Muzium Dalam Memberikan Maklumat Berpendidikan Serta Rujukan**




**Gambarajah 4.20 : Graf Menunjukkan Maklum Balas Terhadap Keberkesanan Muzium Dalam Memberikan Maklumat Berpendidikan Serta Rujukan**

Graf menunjukkan jawapan yang telah diberikan dalam bahagian B dari soalan 1 hingga soalan nombor 10. Terdapat dua soalan memperlihatkan jawapan responden yang memberikan tanggapan negatif yang tinggi. Antara soalnya adalah soalan 6 dan soalan 9.

Soalan 6 menunjukkan 41 orang responden mengatakan bahawa tiada penggunaan sistem audio semasa melihat pameran di Muzium Kota Tinggi. Dari pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji juga berpendapat yang serupa. Pihak Muzium Kota Tinggi sememangnya mempunyai sistem audio namun ianya tidak dapat berfungsi.

Soalan 9 pula menunjukkan 36 orang responden tidak pernah melayari laman sesawang Muzium Kota Tinggi. Pihak muzium perlu mengambil langkah yang lebih proaktif dalam menyebarkan maklumat tentang Muzium Kota Tinggi kepada masyarakat. Contohnya dengan menggunakan laman sosial *Facebook* yang pada masa kini sedang hangat digunakan dan dilayari. Pihak muzium harus mengambil peluang sebaik mungkin kerana laman sosial sebegini dapat membantu mempromosi sesebuah institusi itu sendiri.

**B) Carta Pai Maklum Balas Tentang Melawat Muzium Dapat Memberikan Maklumat Berpendidikan Serta Rujukan**



**Gambarajah 4.21 : Carta Pai Maklum Balas Responden Tentang Keberkesanan Pameran Di Muzium**

Carta pai maklum balas responden terhadap muzium memberikan maklumat berpendidikan serta rujukan. Terdapat 3 soalan tentang melawat muzium dapat memberikan maklumat berpendidikan serta rujukan. Antara soalan yang berkait adalah soalan 1 yang menanyakan adakah responden berminat dengan sejarah. Soalan 5 menanyakan adakah pengunjung seronok apabila melawat Muzium Kota Tinggi dan soalan 10 menanyakan adakah pengunjung berminat melawati muzium semula.


Carta pai menunjukkan 92% responden dengan bilangan 46 orang bersetuju bahawa pihak Muzium Kota Tinggi telah memberikan maklumat

berpendidikan serta rujukan kepada pelawat yang mengunjungi muzium tersebut. Namun 8% responden dengan bilangan 4 orang pula tidak bersetuju bahawa mereka telah diberi maklumat berpendidikan serta rujukan.

Berdasarkan graf ini menunjukkan bahawa majoriti besar responden yang melawat muzium diberikan maklumat berpendidikan serta rujukan. Menurut Condit (1976), pendidikan muzium adalah suatu pembelajaran yang dapat dilakukan dengan cara melihat bahan pameran, menyentuh koleksi artifak yang dipamerkan dan merasai kekukuhannya, mendengar penjelasan yang diberikan tentang koleksi artifak yang dipamerkan, memegang bahan koleksi yang dipertontonkan (pengalaman) melalui himpunan koleksi atau artifak yang dipamerkan di sesebuah muzium. Hal Ini menunjukkan bahawa pihak Muzium Kota Tinggi telah berjaya menyampaikan maklumat kepada pengunjung.

Namun begitu terdapat segelintir pengunjung yang mengunjungi Muzium Kota Tinggi yang memberikan jawapan yang negatif. Keadaan ini menunjukkan bahawa pihak muzium juga terlepas pandang kepada segelintir pengunjung yang mengunjungi Muzium Kota Tinggi. Oleh itu keadaan ini harus diberikan perhatian yang lebih serius bagi menjaga status dan fungsi muzium itu sendiri yang mahu memberikan bantuan dan perkhidmatan yang terbaik dalam menyampaikan maklumat.

**C) Graf Maklum Balas Responden Terhadap Keberkesanan Media Yang Digunakan Oleh Pihak Muzium Untuk Menyebarkan Maklumat**



**Gambarajah 4.22 : Graf Menunjukkan Maklum Balas Responden Terhadap Keberkesanan Media Yang Digunakan Oleh Pihak Muzium Untuk Menyebarkan Maklumat**

Graf maklum balas responden terhadap keberkesanan media yang digunakan oleh pihak Muzium Kota Tinggi untuk menyebarkan maklumat menunjukkan empat medium penyampaian maklumat yang telah dibuat oleh pihak muzium. Antaranya adalah seperti penyebaran brosur, perkhidmatan yang diberikan kepada pengunjung, sistem audio, dan halaman sesawang Muzium Kota Tinggi.

Dari dapatan kajian yang dipamerkan di dalam graf menunjukkan 38 responden bersetuju bahawa pihak muzium memberikan brosur kepada

pengunjung yang mengunjungi Muzium Kota Tinggi. Manakala 12 responden mengatakan bahawa mereka tidak diberikan brosur oleh pihak muzim. Keadaan ini berlaku adalah kerana pengunjung perlu meminta brosur di kaunter pertanyaan dan bukannya diberikan secara langsung apabila memasuki Muzium Kota Tinggi.

Dari segi perkhidmatan pula, seramai 41 orang responden memberikan jawapan yang positif kurator memberikan penerangan kepada pengunjung apabila melawat Muzium Kota Tinggi. Manakala 9 orang responden tidak bersetuju bahawa mereka telah diberikan perkhidmatan apabila melawat Muzium Kota Tinggi. Sememangnya terdapat bantuan atau perkhidmatan yang akan diberikan oleh pihak muzium apabila pengunjung tidak faham atau memerlukan penjelasan dan penerangan terhadap maklumat yang disampaikan oleh pihak muzium. Namun apa yang dapat diperhatikan oleh pengkaji di dalam kes sebegini, kurator hanya memberikan penjelasan sekiranya ada lawatan berpandu. Lawatan berpandu ini adalah lawatan yang berskala besar. Apabila sesuatu institusi seperti pihak sekolah ingin membuat lawatan secara beramai-ramai barulah kurator akan memberikan perkhidmatan lawatan berpandu. Apabila pengunjung yang datang dengan skala yang kecil mereka terpaksa memanggil kurator atau mana-mana staf yang bekerja pada waktu itu bagi mendapatkan penerangan dan penjelasan. Pernyataan ini diperolehi dari temubual bersama kurator Muzium Kota Tinggi iaitu En. Mohd Farhan Bin Zainal Abidin.


Dari respon penggunaan sistem audio pula seramai 41 orang responden mengatakan tiada penggunaan sistem audio dalam pameran yang telah dilakukan

oleh pihak muzium. 9 orang responden lagi mengatakan ada penggunaan sistem audio semasa mereka mengunjungi pameran di Muzium Kota Tinggi. Menurut Reed (1973), pendidikan yang menekankan aspek kesenian dan warisan budaya harus diserap dalam diri masyarakat hari ini sama ada melalui media massa mahupun media elektronik seperti televisyen, radio, internet, majalah, risalah-  
risalah dan sebagainya. Dari pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji sememangnya terdapat alatan sistem audio dan paparan skrin yang digunakan oleh pihak muzium. Namun peralatan sistem audio dan paparan skrin tidak berfungsi. Masih tiada lagi perisian yang dimasukkan kedalam sistem audio dan paparan skrin tersebut.

Setiap muzium mempunyai laman sesawangnya yang tersendiri. Muzium Kota Tinggi juga mempunyai laman sesawang bagi tujuan mempromosi dan maklumat untuk dihubungi. Graf maklum balas responden terhadap keberkesanan media yang digunakan oleh pihak muzium untuk menyebarkan maklumat menunjukkan 36 orang responden tidak pernah melayari laman sesawang Muzium Kota Tinggi. Hanya 14 orang dari 50 responden yang dipilih pernah melayari laman sesawang muzium tersebut. Hal ini menunjukkan sama ada kurangnya pendedahan masyarakat terhadap penggunaan rangkaian jalur lebar atau internet. Dari pemerhatian yang dilakukan, hanya pelajar dan individu yang mempunyai kaitan dengan bidang permuziuman serta mempunyai pekerjaan yang berkait dengan sejarah sahaja yang menggunakan laman sesawang tersebut.

Kesimpulan yang dapat dibuat oleh pengkaji adalah masyarakat masih lagi kurang berminat menggunakan teknologi internet atau rangkaian jalur lebar untuk mencari dan menimba ilmu berkaitan dengan sejarah. Selain itu pihak Muzium Kota Tinggi perlu memperbaiki dan menambah maklumat didalam laman sesawangnya seperti sentiasa mengemaskini program yang dijalankan oleh pihak muzium. Namun secara keseluruhan penyampaian maklumat yang diberikan di dalam Muzium Kota Tinggi mendapat respon dan sambutan yang baik.

**D) Carta Pai Maklum Balas Responden Tentang Keberkesanan Pameran Di Muzium**



**Gambarajah 4.23 : Carta Pai Menunjukkan Maklum Balas Responden Tentang Keberkesanan Pameran Di Muzium**

Carta pai menunjukkan data maklum balas responden tentang keberkesanan pameran di Muzium Kota Tinggi. Dari kajian yang telah dilakukan 92% responden dengan bilangan 46 orang telah mengakui mereka menerima dan memahami maklumat yang disampaikan oleh pihak muzium. Terdapat 8% responden dengan bilangan 4 orang tidak berapa jelas dengan penyampaian yang disampaikan oleh pihak muzium.

Dapat dilihat majoriti pengunjung yang melawati Muzium Kota Tinggi faham dengan segala cara dan teknik penyampaian maklumat kepada pengunjung. Hanya segelintir responden yang kurang faham dengan cara penyampaian maklumat yang telah diberikan. Oleh itu pihak Muzium Kota Tinggi harus memperbanyakkan lagi cara penyampaian maklumat di dalam muzium. Pihak muzium harus memperbanyakkan lagi penggunaan medium penyampaian secara digital seperti memperbanyakkan penggunaan TV dan tayangan skrin bagi memudahkan lagi pemahaman para pengunjung yang mengunjungi muzium.


Kesimpulannya, pihak muzium harus memperbaiki lagi cara penyampaian maklumat kepada para pengunjung. Pihak muzium perlu memikirkan alternatif lain mengubah cara penyampaian maklumat. Hal ini adalah kerana cara penyampaian maklumat selain ilustrasi, lukisan dan diorama, pengunjung terpaksa membaca segala maklumat tersebut. Keadaan ini akan menyebabkan para pengunjung akan menjadi bosan dan tidak mahu menghayati penyampaian maklumat yang mahu disampaikan walaupun maklumat yang di pameran mencukupi dan bernas.

### **4.3.3 Analisis Borang Kajian Soal Selidik ( Bahagian C )**

Bahagian C pengkaji ingin melihat berkesanan muzium dalam membentuk jati diri dan semangat patriotisme masyarakat. Dalam bahagian ini terdapat 10 soalan kesemuanya. Perolehan data terbahagi kepada lima carta iaitu Maklum Balas Responden Dalam Membentuk Jati Diri dan Semangat Patriotisme, Keberkesanan Muzium Dalam Membentuk Jati Diri dan Semangat Patriotisme Masyarakat, Pendapat Responden Tentang Muzium Dapat Meningkatkan Semangat Patriotisme, Pendapat Responden Tentang Muzium Memberi Kesedaran Atas Perjuangan Pahlawan dan Seterusnya Menghargai Kemerdekaan dan Mengekalkannya dan akhir sekali ialah Pendapat Responden Tentang Semua Pihak Memainkan Peranan Untuk Memberi Sumbangan Meningkatkan Mutu Muzium.

**A) Graf Maklum Balas Responden Dalam Membentuk Jati Diri Dan Semangat**


**Patriotisme**



**Gambarajah 4.24 : Graf Menunjukkan Maklum Balas Responden dalam Membentuk Jati Diri dan Semangat Patriotisme**

Graf menunjukkan maklum balas responden dalam membentuk jati diri dan semangat patriotisme. Data yang diperolehi adalah merangkumi kesemua 10 soalan yang telah diajukan di dalam borang kajian soal selidik.

**B) Carta Pai Keberkesanan Muzium Dalam Membentuk Jati Diri Dan Semangat Patriotisme Masyarakat.**



**Gambarajah 4.25 : Carta Pai Menunjukkan Keberkesanan Muzium Dalam Membentuk Jati Diri Dan Semangat Patriotisme Masyarakat**


Carta pai menunjukkan 54% responden bersetuju bahawa muzium dapat membentuk jati diri dan semangat patriotisme masyarakat. Manakala 30% responden memberikan respon yang sangat baik bahawa muzium dapat membentuk jati diri dan semangat patriotisme masyarakat. 16% responden tidak pasti sama ada pihak muzium dalam membentuk jati diri dan semangat patriotisme. Selebihnya 1% responden berpendapat bahawa muzium tidak langsung dapat membentuk jati diri dan semangat patriotisme kepada masyarakat.

Terdapat 84% responden memberikan impak yang positif apabila mereka mengunjungi muzium. Hal ini menunjukkan kesan yang positif apabila mereka

mengunjungi muzium bukan sekadar dapat mengisi masa lapang tetapi juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan tentang sejarah sekaligus dapat menambahkan lagi rasa cinta akan tanah air sendiri. Situasi ini amat membanggakan kerana para pengunjung dapat membina semula jati diri dan dapat meningkatkan semangat patriotisme.

Namun terdapat 16% responden yang tidak pasti sama ada dengan melawat muzium membolehkan semangat patriotisme mereka meningkat. Hanya 1% responden tidak bersetuju langsung bahawa muzium dapat meningkatkan semangat patriotisme kepada pengunjung. Jabatan Arkib Negara dalam laman sesawangnya menyatakan, jika rakyat Malaysia mempunyai semangat patriotik dan ketahanan diri yang tinggi sebagaimana yang dimiliki oleh Mat Kilau, kita tidak perlu untuk mengadakan institusi-institusi bagi menyemai semangat patriotisme dan cintakan negara seperti Biro Tata Negara, Program Latihan Khidmat Negara dan sebagainya. Namun kerana ramai di antara kita yang lupa sejarah perjuangan bangsa serta lemah jati diri, kerajaan telah menubuhkan Biro Tata Negara pada tahun 1974, yang dipertanggungjawabkan untuk menyalurkan pendidikan kenegaraan bagi memupuk semangat patriotisme rakyat Malaysia. Pendidikan kenegaraan ini amat penting untuk diterapkan kepada semua lapisan masyarakat termasuk anggota komuniti institusi pendidikan belia, pekerja awam dan swasta, anggota pertubuhan serta pemimpin dan pemaju masyarakat.

**C) Carta Pai Pendapat Responden Tentang Muzium dapat Meningkatkan Semangat Patriotisme**




**Gambarajah 4.26 : Carta Pai Menunjukkan Pendapat Responden Tentang Muzium Dapat Meningkatkan Semangat Patriotisme**

Carta pai menunjukkan reaksi responden terhadap adakah muzium dalam meningkatkan semangat patriotisme. 50% responden memberikan respon setuju bahawa muzium dapat meningkatkan semangat patriotisme. Manakala 29% responden memberikan reaksi yang sangat baik. Selebihnya 15% responden mengatakan tidak pasti sama ada muzium dapat meningkatkan semangat patriotisme.

Peratusan menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden yang telah diambil bersetuju bahawa muzium dapat meningkatkan semangat patriotisme

kepada diri mereka sendiri. Namun masih terdapat 15% peratus responden yang masih tidak pasti sama ada dengan melawat muzium dapat meningkatkan semangat patriotisme.

**D) Carta Pai Pendapat Responden Tentang Muzium Memberi Kesedaran Atas Perjuangan Pahlawan Seterusnya Menghargai Kemerdekaan Dan Mengekalkannya**




**Gambarajah 4.27 : Carta Pai Menunjukkan Pendapat Responden Tentang Muzium Memberi Kesedaran Atas Perjuangan Pahlawan Lalu Seterusnya Menghargai Kemerdekaan dan Mengekalkannya**

Carta pai menunjukkan peratusan responden terhadap Muzium Memberi Kesedaran Atas Perjuangan Pahlawan seterusnya Menghargai Kemerdekaan dan Mengekalkannya. 59% responden bersetuju bahawa muzium dapat memberikan kesedaran kepada pengunjung terhadap perjuangan pahlawan masa lampau dan

seterusnya menghargai kemerdekaan dan mengekalkannya. Manakala 29% lagi responden memberikan jawapan yang amat positif. 12% dari responden yang dipilih masih tidak pasti keberkesanan pihak muzim memberikan kesedaran atas perjuangan pahlawan.

Dari kajian yang telah dilakukan, 88% memberikan respon yang positif. Keadaan ini memberi gambaran yang amat baik dalam usaha muzium mengekalkan sejarah seterusnya dapat menjamin kemerdekaan negara seterusnya dapat mengekalkan keamanan dan keharmonian yang kita kecapai pada masa kini. 15% responden masih kabur dan masih tidak pasti sama ada mahu menghargai perjuangan pahlawan pada masa dahulu. Menurut Bayan (2007), beliau berpendapat bahawa generasi kini tidak begitu menghargai apa yang dikecapi pada hari ini. generasi masa kini juga lupa bahawa suatu waktu dahulu negara dijajah oleh pelbagai pihak dan masyarakat kita telah ditindas dibunuh dan diludah serta dicampak ke tepi. Malah setelah merdeka (beberapa tahun selepas merdeka) negara masih mencai-cari hala tuju serta berdepan dengan halangan-halangan tertentu. Beliau juga mengatakan bahawa semua perkara itu tiada dalam diari generasi hari ini. mereka hanya tahu tetapi tidak pernah merasai keperitan masa lalu. Perkara ini harus dipandang serius oleh semua lapisan masyarakat kerana kemerdekaan dan keharmonian yang dikecapi selama ini akan musnah dan hancur jika setiap individu dalam masyarakat memandang rendah terhadap perjuangan yang telah dilakukan oleh pahlawan masa silam tidak diingati dan disanjung.

### Carta Pai Pendapat Responden Tentang Semua Pihak Memainkan Peranan Untuk Memberi Sumbangan Meningkatkan Mutu Muzium



**Gambarajah 4.28 : Carta Pai Menunjukkan Pendapat Responden Tentang Semua Pihak Memainkan Peranan Untuk Memberi Sumbangan Meningkatkan Mutu Muzium**


Carta pai menunjukkan data menunjukkan pendapat responden tentang semua pihak memainkan peranan untuk memberi sumbangan meningkatkan mutu muzium. 43% responden bersetuju membantu pihak muzium jika pihak muzium memerlukan pertolongan dan bantuan. Manakala 29% lagi memberikan jawapan yang sangat positif. Secara keseluruhannya 72% responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap pentingnya penubuhan muzium dan fungsi muzium kepada masyarakat.

Terdapat 26% responden yang tidak pasti sama ada mahu menghulurkan bantuan kepada pihak Muzium Kota Tinggi dan 2% responden tidak setuju untuk menghulurkan bantuan kepada pihak muzium. Dari apa yang boleh diperhatikan bahawa masih terdapat masyarakat yang memandang remeh terhadap muzium itu sendiri dan sikap ingin membantu masih lagi menjadi budaya yang buruk di kalangan masyarakat kita pada masa kini. Sifat tidak suka membantu haruslah dibuang dalam masyarakat kerana ia akan menyebabkan masyarakat setempat dan seterusnya negara menjadi mundur dan memudahkan anasir-anasir luar menjajah masyarakat kita kembali.

#### **4.3.4 Analisis Borang Kajian Soal Selidik ( Bahagian D )**

Dalam bahagian D pengkaji ingin mengkaji sejauh mana muzium menjadi lambang warisan dan budaya. Terdapat 10 soalan dalam bahagian ini. Pengkaji telah membuat satu graf terhadap maklum balas responden terhadap muzium sebagai lambang warisan dan budaya, carta pai maklum balas responden terhadap pameran kepercayaan dan keagamaan dan carta pai peratus responden terhadap muzium lambang warisan dan budaya.

**A) Graf Maklum Balas Responden Terhadap Muzium Lambang Warisan Dan Budaya**



**Gambarajah 4.29 : Graf Menunjukkan Maklum Balas Responden Terhadap Muzium Lambang Warisan Dan Budaya**

Graf menunjukkan jawapan yang telah diberikan dalam bahagian D dari soalan 1 hingga soalan nombor 10. Soalan nombor 1 menunjukkan 46 orang bersetuju dan 4 orang responden tidak bersetuju bahawa terdapat pelbagai barangan artifak di dalam Muzium Kota Tinggi.

Bagi soalan nombor 2 seramai 43 orang responden yang bersetuju dan 7 orang responden tidak bersetuju bahawa Muzium Kota Tinggi telah memaparkan maklumat tentang salahsila pemerintahan negeri Johor lengkap dipamerkan.

Soalan nombor 3 menunjukkan 46 orang bersetuju dan 4 orang responden tidak bersetuju bahawa terdapat maklumat mengenai perkembangan negeri Johor dipamerkan di Muzium Kota Tinggi.

Soalan nombor 4 menunjukkan kesemua responden dengan bilangan 50 orang bersetuju bahawa pihak Muzium Kota Tinggi mempamerkan busana dan pakaian Melayu.

Soalan nombor 5 menunjukkan persamaan dengan soalan nombor 4 iaitu semua responden dengan bilangan 50 orang bersetuju bahawa Muzium Kota Tinggi mempunyai paparan mengenai budaya Melayu.

Soalan nombor 6 menunjukkan 47 orang responden bersetuju dan 3 orang responden tidak bersetuju bahawa Muzium Kota Tinggi mempunyai pameran mengenai kesenian masyarakat Johor.


Soalan nombor 7 menunjukkan 45 orang responden bersetuju dan 5 orang responden tidak bersetuju bahawa Muzium Kota Tinggi mempunyai pameran sistem teknologi dan peralatan masyarakat Melayu Johor.

Soalan nombor 8 menunjukkan 37 orang responden bersetuju dan 13 orang responden tidak bersetuju Muzium Kota Tinggi mempamerkan sistem kepercayaan dan keagamaan.

Soalan nombor 9 menunjukkan 48 orang responden bersetuju dan 2 orang responden tidak bersetuju bahawa pihak Muzium Kota Tinggi mempamerkan maklumat cara hidup masyarakat terdahulu.

Soalan nombor 10 menunjukkan 49 orang responden bersetuju dan hanya 1 orang responden tidak bersetuju bahawa Muzium Kota Tinggi ada mempamerkan Koleksi Diraja.

**B) Graf Maklum Balas Responden Terhadap Muzium Lambang Warisan Dan Budaya**




**Gambarajah 4.30 : Graf Menunjukkan Peratus Responden Muzium Lambang Warisan Dan Budaya**

Carta pai menunjukkan peratusan responden terhadap muzium sebagai lambang warisan dan budaya. Dari data yang telah diperolehi 92% responden dengan bilangan 46 orang bersetuju bahawa muzium sebagai lambang warisan dan budaya. Manakala 8% responden dengan bilangan 4 orang tidak bersetuju.

Pihak Muzium Kota Tinggi telah berjaya mencapai telah berjaya mencapai salah satu objektifnya iaitu menjadi medium yang menerbitkan segala khazanah warisan sejarah dan budaya yang terdapat di Lembah Sungai Johor.

Dari data yang telah diperolehi majoriti pengunjung memahami maklumat dan konsep pameran yang telah dilakukan oleh pihak muzium.

**C) Carta Pai Maklum Balas Responden Terhadap Pameran Kepercayaan Dan Keagamaan.**




**Gambarajah 4.31 : Carta Pai Maklum Balas Responden Terhadap Pameran Kepercayaan Dan Keagamaan**

Carta pai menunjukkan maklum balas responden terhadap pameran kepercayaan dan keagamaan. Dari data yang telah diperolehi mendapati bahawa

74% responden dengan bilangan 37 orang dan 26% responden dengan bilangan 13 orang tidak bersetuju.

Dari pemerhatian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati pihak Muzium Kota Tinggi ada mempamerkan pameran kepercayaan dan keagamaan. Namun maklumat mengenai kepercayaan dan keagamaan kurang dipamerkan. Apa yang ada dipamerkan hanyalah kitab suci Al- Quran bertulis tangan berusia lebih seratus tahun dan helaiannya diperbuat dari kulit kambing berserta dengan beberapa naskah lagi kitab Al-Quran yang dipamerkan.



**Gambarajah 4.32 : Kitab Al-Quran ditulis menggunakan tangan yang berusia lebih 100 tahun.**

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tiga aspek utama iaitu perbincangan, kesimpulan dan cadangan yang telah diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan. Secara keseluruhan, Bab 5 merupakan bab yang terakhir dalam kajian yang telah dilakukan. Pengkaji akan mengulas serba sedikit dapatan kajian yang telah dilakukan dalam Bab 4. Selain itu, pengkaji juga akan membincangkan tentang aspek-aspek yang relevan berkaitan dengan kajian.

## 5.1 Perbincangan

Secara umumnya, institusi permuzium memainkan peranan yang penting kepada masyarakat dengan membekalkan maklumat dan pembelajaran secara tidak formal. Max Hebditch (1990) berpendapat bahawa bahan yang dipamerkan secara tidak langsung memberi peluang kepada para pelawat untuk membentuk pengalaman sendiri berdasarkan kepada apa yang telah disaksikan oleh para pengunjung itu sendiri. Peranan muzium bukan sahaja tempat untuk penyimpanan barangan purba ataupun artifak malah muzium memainkan peranan yang amat penting kepada masyarakat dalam aspek pendidikan.

Seperti mana yang kita semua ketahui, Muzium Kota Tinggi yang bersaiz 6480 meter persegi telah memuatkan pelbagai jenis artifak dari segi benda tinggalan sejarah (artifak), sejarah lisan, kitab lama dan monuskrip, gambar foto lama, koleksi diraja dan koleksi pemimpin yang telah menjawat sebagai Menteri Besar Johor. Koleksi muzium yang dihimpunkan boleh menjadi bukti dan rujukan kepada semua. Koleksi yang dihimpunkan oleh pihak muzium adalah bertujuan untuk keseronokan dan sebagai kesedaran melalui pendidikan, sebagai rekod kepada masa lampau dan perbezaan budaya. (Keene: 1996).

Dari hasil dapatan kajian didapati kadar perbezaan pengunjung dari segi gender amat ketara. Kebanyakan pengunjung yang melawati muzium adalah daripada golongan wanita berbanding dengan lelaki. Hal ini menunjukkan kurangnya kesedaran terhadap kepentingan sejarah itu sendiri kepada individu dalam membentuk jati diri masyarakat. Perkara ini harus dipandang serius kerana institusi permuzium adalah medium pembelajaran secara tidak formal. Dengan adanya sistem pembelajaran tidak formal

sebegini dapat meningkatkan nilai kesedaran pada diri individu yang melawati dan menghayati sejarah perjuangan yang telah dilakukan oleh pahlawan-pahlawan yang memperjuangkan kemerdekaan. Isu seperti ini pernah diperingatkan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia pada sambutan sempena Empat Puluh Tahun Merdeka. Beliau menyatakan : *“walau apa pun terjadi pada kita, kita tidak harus melupakan sejarah perjuangan kemerdekaan negara kita. Sebab itulah kita mengadakan sambutan Hari Kemerdekaan atau hari Kebangsaan setiap tahun. Selain menanam semangat cintakan negara di kalangan rakyat, Hari Kebangsaan mengingatkan kita kepada sejarah perjuangan kemerdekaan negara kita. Dengan mengetahui sejarah negara itu sendiri, kita boleh merancang masa deoan negara kita dengan lebih baik dan berkesan”*. (Berita Harian, 30 Ogos 1977: 10). Dengan adanya sifat kesedaran ini juga dapat membanteras remaja dari melakukan gejala yang negatif dan tidak bermoral.

Jika seseorang itu memahami asal usul mereka dan tahu dari mana asal mereka secara tidak langsung dapat menebalkan dan menguatkan lagi jati diri dan seterusnya dapat mengelakkan dari terikut-ikut dengan budaya luar khususnya budaya barat yang tidak bermoral dan bercanggah dengan budaya timur yang lebih mementingkan kesopanan dan kesusilaan serta budaya hormat-menghormati yang tinggi tidak kira walaupun berbilang bangsa dan agama.

Dari segi umur pula dapat dikenalpasti pada peringkat kanak-kanak dan remaja memberikan kesan yang positif. Hal ini adalah kerana pada peringkat ini mereka masih di alam persekolah dan masih boleh dibentuk bagi meminati sejarah. Didapati pengunjung yang melawat muzium terdiri dari kanak-kanak dan peringkat awal remaja sahaja hasil

dari lawatan sekolah yang dibimbing oleh guru. Kebiasaanya lawatan muzium ini berkaitan dengan subjek sejarah bagi sekolah menengah manakala sekolah rendah pula, mereka terdedah kepada subjek kajian tempatan untuk membuka minda pelajar kepada pengetahuan sejarah peringkat awal. Menurut Khazin (2009), Subjek Sejarah perlu dititikberatkan dari peringkat sekolah dengan menekankan tentang guna dan makna ilmu sejarah dalam kehidupan individu, keluarga dan masyarakat. Dengan adanya penanaman ilmu sejarah dari peringkat rendah membolehkan ia meresap dalam minda dan jiwa.

Oleh yang demikian, kanak-kanak dan peringkat awal remaja ini menerima hanya sedikit sahaja pengetahuan tentang sejarah dari muzium tanpa mengambilkira kesan yang sepatutnya mereka perolehi seperti semangat patriotik pejuang, semangat jati diri dan lain-lain lagi. Hal ini adalah kerana mereka datang mengunjungi muzium bukan kerana kesedaran tetapi datang ke muzium atas dasar lawatan sahaja. Tidak hairan jika golongan ini adalah antara majoriti pengunjung yang terbanyak melawat muzium. Namun ia adalah salah satu langkah yang baik untuk meningkatkan nilai dan jati diri kanak-kanak dan peringkat awal remaja. Menurut Khazin (2009), di kalangan kumpulan generasi muda hari ini dan akan datang yang hanya menikmati kemewahan hidup adalah amat perlu untuk memahami sejarah perkembangan dan kemajuan tanah airnya terutamanya sejak zaman kegemilangan dan perkembangan negeri-negeri Melayu sebelum kedatangan penjajah sehinggalah ke zaman perjuangan pemimpin dan tokoh tempatan untuk membebaskan negara ini daripada belenggu penjajah.

Selain itu kurangnya penglibatan kaum lain seperti Cina dan India harus dipandang serius. Datuk Sri Dr. Mahathir pernah menegaskan bahawa, "...*mengapa dan*

*bagaimana kita harus mewujudkan perpaduan dan muhibah antara kaum ini pada masa akan datang, adalah juga berpandukan daripada pengajaran sejarah yang lalu." (Aziz: 396). Hal ini adalah kerana dengan mengetahui sejarah silam dapat mengekalkan kemerdekaan yang kita kecapai selama ini. Pentingnya penglibatan kaum Cina dan India ini dalam mengenali sejarah adalah supaya tragedi yang tidak dapat dilupakan iaitu peristiwa 13 Mei 1969 tidak berulang kembali. Khazin (2009), menyatakan sejarah perkembangan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Malaysia perlu difahami oleh semua penduduk dan rakyat Malaysia. Setiap kaum perlu memahami segala perkembangan yang telah berlaku agar generasi masa hadapan akan dapat gambaran dan fahaman yang bermakna.*

Objektif pertama didalam kajian yang telah dilakukan adalah mengkaji peranan Muzium Kota Tinggi dalam memberi maklumat berpendidikan serta rujukan. Menurut Corsane (2005), Muzium ditubuhkan untuk memberi khidmat dan maklumat kepada masyarakat yang berkaitan dengan permuziuman, perkembangannya terbuka kepada umum iaitu tidak ada halangan kepada masyarakat, memperoleh, menyelidik, memulihara, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pendidikan dan keceriaan. Melalui pemerhatian dan kajian soal selidik mendapati bahawa pihak Muzium Kota Tinggi telah berjaya memberikan maklumat berpendidikan serta rujukan. Hal ini dibuktikan melalui carta pai maklum balas yang telah dilakukan kepada responden. Pengkaji juga dapat melihat pihak muzium telah memberikan maklumat yang lengkap. Setiap artifak, lukisan dan diorama terdapat penerangan bagi memudahkan pengunjung memahami apa yang mahu disampaikan oleh pihak muzium. Selain itu, pihak muzium juga memberikan brosur kepada pengunjung yang mengunjungi Muzium Kota Tinggi dan

pihak muzium juga telah memberikan perkhidmatan memberi bantuan dari segi maklumat apabila diminta oleh pengunjung. Namun terdapat beberapa kekurangan dalam penyampaian maklumat yang diberikan. Pengkaji mendapati pihak muzium tidak menggunakan elemen multimedia dalam penyampaian maklumatnya. Contohnya, sistem audio dan tayangan skrin dipamerkan untuk memberi maklumat. Perkara ini harus diperbaiki oleh pihak muzium bagi memastikan maklumat yang disampaikan mempunyai elemen keseronokan dan tidak terlalu membosankan dengan penggunaan teks sahaja.

Selain itu, penyampaian maklumat yang diberikan kepada pengunjung juga telah berjaya memberikan kesan yang positif kepada para pengunjung dalam membentuk jati diri dan semangat patriotisme. Hal ini telah membuktikan bahawa penyampaian maklumat yang telah diberikan oleh pihak muzium impak yang positif kepada pengunjung yang mengunjungi Muzium Kota Tinggi. Data menunjukkan majoriti responden yang telah mengunjungi bersetuju bahawa mereka berasa bangga melihat sejarah yang telah dipamerkan oleh pihak muzium dan bersetuju bahawa mereka semakin bersemangat untuk mengekalkan kemerdekaan yang telah dikecapi oleh negara pada masa kini dengan menghargai perjuangan yang telah dilakukan oleh pahlawan-pahlawan pada masa dahulu yang memperjuangkan keamanan dan kebebasan. Namun masih ada segelintir responden yang masih kurang mempunyai sikap murni untuk saling bantu membantu. Arthur Schopenhauer pada tahun 1818 menyatakan bahawa, "... hanya melalui sejarah sesuatu bangsa menjadi sedar dengan sempurna akan dirinya sendiri." (Ibrahim Alfian:5).

Manakala objektif terakhir adalah mengkaji sejauh mana muzium menjadi lambang warisan dan budaya. Melalui kajian yang telah dibuat, pengkaji mendapati pihak muzium telah berjaya memperlihatkan muzium sebagai lambang warisan dan budaya. Jika dilihat dari segi budaya, pihak muzium telah berjaya mempamerkan sistem teknologi dan peralatan, kesenian masyarakat, sistem kepercayaan dan keagamaan, paparan budaya masyarakat melayu, dan koleksi-koleksi diraja. Pengkaji mendapati segala maklumat yang disampaikan oleh pihak muzium kepada masyarakat telah tercapai. Pengunjung yang mengunjungi muzium Kota Tinggi memberikan jawapan yang amat positif mengenai lambang budaya dan warisan yang telah dipamerkan. Menurut dari beberapa penulis (Karp and Kratz, 1991; Haraway, 1984; Duncan and Wallach, 1978), berpendapat muzium adalah kuasa kebudayaan yang tiada tolok bandingnya, hebat dan merupakan ensiklopedia pengetahuan.

Mereka memahami maklumat yang diberikan dan bersetuju bahawa muzium sememangnya adalah salah satu medium yang dapat melambangkan budaya dan warisan.

## 5.2 Cadangan

Muzium sememangnya memainkan peranan yang penting kepada masyarakat. Oleh itu semua lapisan masyarakat bertanggungjawab dalam memartabatkan usaha muzium untuk menjadi sebuah institusi pembelajaran dan menjadi salah satu institusi yang melambangkan warisan dan budaya.

Pengkaji mencadangkan kepada pihak yang berwajib seperti pihak kerajaan tidak kira kerajaan negeri ataupun persekutuan saling bantu membantu dari aspek pemberian peruntukan dan dana untuk membolehkan pihak Muzium Kota Tinggi ini menjayakan lagi objektifnya. Bagi mengumpul, mengekal, memulihara serta menerbitkan segala artifak dan dapatan maklumat yang diperolehi oleh pihak muzium memerlukan dana kewangan yang sangat tinggi. Oleh itu, batuan dari segi kewangan dapat meringankan dan melancarkan segala program yang diusahakan oleh pihak muzium.

Pihak Muzium juga haruslah sentiasa mencari idea-idea baru supaya dapat menarik minat masyarakat supaya datang mengunjungi muzium. Pihak muzium harus sentiasa menukar cara persembahan dan pameran maklumat. Contohnya tiada lagi penggunaan layar skrin digunakan dalam penyampaian maklumat di Muzium Kota Tinggi. Selain itu, pihak muzium harus membuat pameran bergerak. Contohnya mempunyai kenderaan bergerak seperti bas yang telah diubah menjadi galeri kecil yang memaparkan beberapa maklumat yang ada dalam koleksi muzium. Dengan adanya cara yang sebegini pihak muzium dapat mendekati masyarakat dengan lebih dekat lagi. Dengan adanya galeri bergerak sebegini memudahkan pihak muzium menyampaikan

maklumat kepada masyarakat dengan membuat pameran di sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi malah di mana-mana sahaja.

Seterusnya masyarakat haruslah bersama-sama membina dan memartabatkan warisan dan budaya. Masyarakat seharusnya membuang sikap acuh tidak acuh terhadap sejarah bangsa sendiri. Hal ini adalah kerana sejarah merupakan faktor terpenting dalam perkembangan dan tamadun sesebuah negara dan masyarakat. Jika masyarakat melupakan sejarah silamnya maka secara tidak langsung ia memberi peluang baik kepada anasir-anasir luar yang ingin mejajah semula minda masyarakat kita seterusnya ia akan melumpuhkan dan melemahkan jati diri pada setiap individu. Oleh itu masyarakat harus memandang serius permasalahan ini dan menanamkan sifat patriotisme di dalam diri setiap individu supaya dapat menangkis segala cabaran dan dugaan yang semakin mencabar pada masa kini. Ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam menyemaikan sikap cinta akan tanah air. Antara alternatif yang boleh diaplikasikan ialah dengan membawa anak-anak melawat muzium pada masa lapang dan jadikan muzium sebagai tempat untuk beriadah dan mengisi masa lapang sambil menimba ilmu tentang sejarah.

### 5.3 Kesimpulan

Muzium sememangnya memainkan peranan yang penting kepada masyarakat. Secara amnya muzium dianggap sebagai pemegang amanah warisan negara yang tidak ternilai dan tidak dapat ditukar ganti. Peranan muzium juga bukan sekadar menyimpan bahan-bahan purba malah ia merupakan sebuah institusi yang berperanan sebagai sebuah institusi pendidikan tidak rasmi. Segala maklumat dan bahan-bahan yang dipamerkan di dalam muzium mampu memberi kefahaman dan menarik minat para pengunjung dan masyarakat terhadap sejarah, sastera sains atau alam semulajadi.

Dari penyelidikan yang telah dijalankan dapat disimpulkan bahawa Muzium Kota Tinggi telah berjaya dalam mempamerkan maklumat yang berkaitan dengan sejarah. Pihak Muzium Kota Tinggi juga telah berjaya dalam memberikan input-input maklumat berpendidikan serta rujukan. Dengan adanya input maklumat sebegini sekaligus telah berjaya meningkatkan semangat patriotisme masyarakat seterusnya dapat terus mengimbangi kemerdekaan yang dikecapi selama ini. Dengan ini, warisan dan budaya dapat dipertahankan apabila keamanan negara sentiasa dijaga dalam keadaan yang baik seterusnya dapat mengekalkan kedaulatan sesebuah negara itu sendiri. Hal ini secara tidak langsung dapat mengelakkan masyarakat dan negara daripada dijajah semula tidak dari aspek fizikal dan minda kerana tahap jati diri yang masyarakat adalah tinggi.

## BIBLIOGRAFI

### Buku Dan Penulisan

Corsane, G. Ed. 2005. *Heritage, Museum and Galleries: An Introductory Reader*.

London: Routledge.

Eilean Hooper-Greenhill (2007) *Museum and Education*, Routledge 270 Madison Ave, New York.

Goode, G. B. 1897. The museums for the future. *Annual report for the Smithsonian*

*Institution*. Washington DC: The Government Printing Office.

Hebditch, M. Ed. 1990. Why do we preserve objects? Dalam *managing conservation,*

*conference preprints*. London: UKIC.

ICOM. 1972. *The museum in the service of man: today and tomorrow*. Paris:

International Council of Museums.

\_\_\_\_\_ & Mackenzie, R. 1990. *The Excluded Past: Archaeology in Education*. London:

Unwin Hyman.

\_\_\_\_\_ & Molyneaux, B. 1994. *The Presented Past: Heritage, Museums and*

*Education*. London & New York: Routledge

Keene, Suzanne. 1996. *Managing Conservation in Museums*. Jordan Hill: Butterworth

Heinemann.

Khazin Mohd Tamin (2009), *Antara Kesedaran Sejarah, Keperibadian dan*

*Pembangunan Masyarakat*.

Muhd Abi Sudfian (2005), *Mengurus Gerai Pameran*, percetakan Zafar Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

Olofsson, Ulla K. 1979. *Museums and Children*. Monographs on Education. Paris:UNESCO.

Suzanne Keene (2005), *Fragments of the World, Uses of Museum Collections*, Elsevier: Butterworth Heinemann.

Teggart F.J (1960), *Theory and Processess of History*, California.

Bukan Tempat Benda Buruk: Pengarah Muzium Negeri Tolak Tanggapan Negatif Segelintir Pihak Yang Tidak Suka Ke Muzium (2011, Febuari 21), *Sinar Harian*.

Bayan (2007, Julai 25). Generasi Y Merdeka. *Berita Harian*.

Nazdy Harun (2011, April 22). *Perahu Yang Terakhir*. *Metro Setempat*.

### **Laman Web**

Malaysia, Jabatan Muzium Negara (2011), *Cabaran 'Hidupkan' Muzium*. Dilihat pada 11 November 2011, 02:45pm, daripada <http://www.jmm.gov.my>

Malaysia, Arkib Negara (2011), Patriotism Pemangkin Pembinaan Negara Bangsa: *Contohi Semangat Juang Mat Kilau*. Dilihat pada 11 November 2011, 03.10pm, daripada <http://www.arkib.gov.my>

Unit Perancangan ekonomi Malaysia (2006), *Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006 2009)*. Dilihat pada 12 November 2011, 09.00pm, daripada <http://www.epu.gov.my>

Muzium Kota Tinggi. Yayasan Warisan Johor (2005), dilihat pada 17 Februari 2011, 12:30am, daripada [www.ywj.gov.my/utama/muzium\\_kota\\_tinggi\\_ltrblk.htm](http://www.ywj.gov.my/utama/muzium_kota_tinggi_ltrblk.htm).

**Lampiran**



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN